



PBS
Edisi 1 Tahun 2025



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

PANDUAN PENGURUSAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH PBS

Edisi 1 Tahun 2025

PERUTUSAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA

HAJI AZMAN BIN HAJI ADNAN

*Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia*



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Salam Malaysia MADANI.

Pertamanya, tahniah dan syabas diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam penyediaan Panduan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) ini. Usaha penyediaan panduan ini merupakan langkah penting dan bermakna dalam memperkukuh sistem pendidikan negara, selari dengan matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025 yang memberi tumpuan terhadap aspek pembelajaran yang holistik dan relevan dengan keperluan masa depan.

PBS merupakan pendekatan yang berfokus terhadap potensi murid secara menyeluruh. Di samping menilai pencapaian pengetahuan, kemahiran dan nilai dan sahsiah yang diperlukan untuk membentuk insan yang berdaya saing, mampan serta bertanggungjawab turut diukur. Panduan ini bertujuan untuk memandu guru dan pentadbir sekolah dalam melaksanakan PBS dengan lebih efektif.

KPM bergantung kepada guru sebagai tunjang utama dalam pelaksanaan PBS. Melalui panduan ini, saya yakin guru akan lebih berketerampilan untuk melaksanakan pentaksiran secara profesional, adil dan menyeluruh. Selain berfungsi sebagai penyampai ilmu, guru juga berperanan sebagai pembimbing untuk membentuk sahsiah dan nilai murni insan. KPM bersedia untuk memberikan sokongan melalui pelbagai kaedah kepada guru secara konsisten dalam usaha membentuk generasi yang cemerlang dan berintegriti.

PBS membawa pendekatan baharu yang memberi tumpuan kepada pembelajaran sepanjang hayat dan pembangunan peribadi murid. PBS memberi peluang kepada murid untuk meneroka potensi serta kecenderungan diri dalam pelbagai aspek, sama ada akademik, kemahiran insaniah atau nilai kepimpinan. Hal ini selari dengan aspirasi negara melahirkan murid yang bersedia untuk menghadapi cabaran global dan era digitalisasi.

Setelah PBS diperkenalkan, saya memahami bahawa pelaksanaan PBS ini mungkin memberikan cabaran kepada pelbagai pihak, terutama dalam aspek penerimaan, penyesuaian dan kecekapan. Namun, melalui kebersamaan yang berterusan, dedikasi dan kerjasama erat antara guru, ibu bapa, murid dan masyarakat, kita boleh mengatasi cabaran ini. Pentaksiran ini bukan hanya satu perubahan sistem tetapi satu revolusi pemikiran ke arah pendidikan yang lebih inklusif dan progresif.

Akhir kata, saya yakin panduan ini akan menjadi rujukan utama dalam pelaksanaan PBS di seluruh negara. Marilah kita bersama-sama terus memainkan peranan untuk memastikan kualiti pendidikan negara berkembang maju, seterusnya melahirkan generasi yang dapat membawa nama Malaysia ke arah kecemerlangan. Semoga segala usaha ikhlas ini mendapat keberkatan dan kejayaan.

Terima kasih.

PERUTUSAN TIMBALAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA (SEKTOR DASAR DAN KURIKULUM)



DR. RUSMINI BINTI KU AHMAD

*Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
(Sektor Dasar dan Kurikulum)
Kementerian Pendidikan Malaysia*

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Salam Malaysia MADANI.

Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) merupakan elemen penting untuk merealisasikan visi pendidikan berkualiti untuk semua, seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025. PBS menekankan pencapaian akademik serta memberikan fokus kepada pembangunan sahsiah, potensi dan kemahiran holistik individu. Sehubungan dengan itu, saya yakin Panduan PBS yang dihasilkan akan menjadi rujukan utama kepada warga pendidik di Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia komited untuk memastikan pelaksanaan PBS dilaksanakan dengan lancar dan efektif. Panduan ini telah dirangka dengan teliti untuk memastikan guru, pentadbir serta pihak berkepentingan lain dapat memahami dan melaksanakan pendekatan ini secara optimum. PBS merupakan medium untuk menilai potensi sebenar murid secara menyeluruh, sejajar dengan aspirasi pendidikan abad ke-21.

Guru merupakan penggerak utama dalam pelaksanaan PBS. Panduan ini merupakan rujukan ringkas tetapi komprehensif demi membantu guru mengintegrasikan pelbagai kaedah penilaian secara adil, tekal dan profesional. Pentadbir sekolah pula memainkan peranan penting sebagai pemimpin untuk memastikan ekosistem sekolah menyokong pelaksanaan pentaksiran ini secara menyeluruh.

Pelaksana dan masyarakat perlu faham bahawa PBS bukan sahaja sekadar alat pengukuran prestasi, tetapi juga bertindak sebagai pemangkin kepada perkembangan diri murid di samping memberikan ruang kepada murid untuk menunjukkan kebolehan dalam pelbagai bidang, termasuk kreativiti, komunikasi dan kepimpinan. Melalui PBS, KPM berhasrat untuk membentuk generasi murid yang lebih berketerampilan, inovatif dan berdaya saing. PBS memberikan ruang murid dalam pembentukan individu melalui kecenderungan dan bakat masing-masing.

KPM sedia maklum bahawa pelaksanaan PBS mungkin memberi pelbagai cabaran yang berbeza. Namun, saya percaya dengan kerjasama yang erat antara guru, ibu bapa dan masyarakat, kita boleh menguruskan cabaran yang dihadapi. Penyesuaian ini memerlukan kebersamaan, sokongan dan dedikasi semua pihak untuk memastikan skop pendidikan yang sesuai bagi generasi akan datang.

Akhir kata, saya yakin panduan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh warga pendidik dalam pelaksanaan PBS. Semoga kita bersama-sama terus memainkan peranan masing-masing untuk melahirkan insan yang cemerlang, seimbang dan bersedia untuk menghadapi cabaran dunia masa depan melalui sistem pendidikan kita. insya-Allah, usaha murni semua pihak akan diberkati dan membina anak Malaysia yang kaya dengan ilmu serta berpotensi tinggi.

Terima kasih.

KATA ALU-ALUAN

HAJI ROSLAN BIN ABU HASSAN

*Pengarah Peperiksaan
Lembaga Peperiksaan
Kementerian Pendidikan Malaysia*



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Salam Malaysia MADANI.

Salam Lembaga Peperiksaan Peneraju Pentaksiran Bertaraf Dunia Melahirkan Insan Berpotensi.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang bekerjasama dan berusaha dalam penyediaan Panduan Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) ini. Panduan ini merupakan langkah strategik dalam menyokong visi dan misi Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memperkukuh sistem pendidikan negara melalui pendekatan pentaksiran yang lebih holistik dan berkesan.

PBS memainkan peranan penting dalam transformasi kaedah menilai potensi murid. Berbeza dengan pendekatan peperiksaan semata-mata, PBS menitikberatkan pentaksiran berterusan yang menyeluruh melibatkan aspek akademik, sahsiah dan kemahiran murid. Hal ini membolehkan guru menilai murid secara lebih adil, setara dan menyeluruh, sejajar dengan perkembangan serta potensi mereka.

KPM sedia maklum bahawa guru merupakan teras utama dalam pelaksanaan PBS. Dengan panduan ini, guru diharapkan dapat memahami prinsip, kaedah dan pelaksanaan pentaksiran yang lebih sistematik. Selain berperanan sebagai guru yang melaksanakan pentaksiran, guru juga merupakan pembimbing untuk mengembangkan potensi murid. Panduan ini akan menjadi rujukan utama untuk memastikan PBS dilaksanakan dengan integriti dan profesionalisme.

PBS memberikan peluang kepada murid untuk mempamerkan kebolehan dalam pelbagai kaedah, melangkaui keputusan peperiksaan semata-mata. Pelaksanaan PBS juga menyediakan maklumat penting kepada ibu bapa dan pihak berkepentingan tentang perkembangan murid secara menyeluruh. Dengan adanya panduan ini, Lembaga Peperiksaan sebagai peneraju dalam bidang pentaksiran berusaha untuk memastikan semua pihak dapat memahami dengan lebih mendalam keperluan dan pelaksanaan PBS.

Meskipun pelaksanaan PBS, pada awalnya menghadapi cabaran dari segi penerimaan dan pelaksanaannya, saya yakin bahawa dengan dedikasi guru, pentadbir dan sokongan daripada ibu bapa, kita berupaya untuk mengubah persepsi ini. PBS memerlukan kerjasama semua pihak, bukan sahaja untuk mencapai objektifnya tetapi juga untuk mewujudkan budaya penilaian yang lebih konsisten, adil dan inklusif.

Akhir kata, saya bersyukur atas penghasilan Panduan Pengurusan PBS ini. Saya berharap panduan ini dijadikan dokumen rujukan yang komprehensif dan praktikal dalam pelaksanaan PBS. Dalam satu nada dan bersama-sama, marilah kita melangkah ke hadapan untuk membina generasi yang mampan dari segi intelek, emosi dan sosial. Saya berdoa agar segala usaha kita diberkati dan membuahkan hasil yang berpanjangan demi masa depan negara.

Terima kasih.

KANDUNGAN

PERUTUSAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA	ii
---	-----------

PERUTUSAN TIMBALAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA (SEKTOR DASAR DAN KURIKULUM)	iii
---	------------

KATA ALU-ALUAN PENGARAH PEPERIKSAAN	iv
--	-----------

BAB 1 DASAR PELAKSANAAN PBS	1
--	----------

BAB 2 PENGOPERASIAN PBS	6
--	----------

BAB 3 PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH	14
---	-----------

3.1 Pentaksiran Pusat (PP)	15
3.2 Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)	34
3.3 Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan Dan Kokurikulum (PAJSK)	45
3.4 Pentaksiran Psikometrik (PPsi)	51

BAB 4: PENJAMINAN KUALITI	60
--	-----------

BAB 5 LAMPIRAN	64
---------------------------	-----------

PENGHARGAAN	85
--------------------	-----------

BAB 1

DASAR PELAKSANAAN PBS

PENGENALAN

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) selari dengan transformasi Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK). PBS bersifat holistik iaitu menilai aspek kognitif (intelekt), afektif (emosi dan rohani), psikomotor (jasmani) dan sosial selaras dengan Falsafah

Pendidikan Kebangsaan yang memberikan penekanan dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Komponen PBS terdiri daripada Pentaksiran Pusat (PP), Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Pentaksiran Psikometrik (PPsi) dan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK).

PUNCA KUASA

Pelaksanaan PBS berdasarkan punca kuasa seperti berikut:

2010	Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 17 Disember 2010 bersetuju dengan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) yang menekankan pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah selaras dengan ekosistem pentaksiran dunia. Pelaksanaan PBS bermula pada tahap rendah mulai kohort Tahun 1 pada tahun 2011 dan tahap menengah rendah mulai kohort Tingkatan 1 tahun 2012.
2021	Mesyuarat Jemaah Menteri pada 28 April 2021 bersetuju dengan pemansuhan UPSR mulai tahun 2021 dan PBS diperkasakan dengan memperkenalkan ujian akhir sesi akademik.
2024	Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 27 bertarikh 25 Oktober 2024 memutuskan supaya mengaktifkan Jawatankuasa Induk PBS KPM semula dan Lembaga Peperiksaan menerajui Jawatankuasa Induk PBS KPM. Jawatankuasa Induk Pentaksiran Berasaskan Sekolah KPM ini akan melibatkan semua kustodian PBS dan Bahagian di KPM serta Jabatan Pendidikan Negeri. Keputusan ini juga selaras dengan fungsi Lembaga Peperiksaan seperti yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996 (AKTA 550) Bahagian II (3) i. Memberi nasihat, memantau, membuat analisis tentang penilaian berasaskan sekolah; ii. Mengendalikan semua peperiksaan dan mengikut peraturan, garis panduan dan arahan tentang peperiksaan; dan iii. Mengadakan peperiksaan, mengendalikan pemantauan dan menguatkuasakan peraturan, garis panduan dan arahan tentang peperiksaan.

Untuk memastikan pelaksanaan PBS dijalankan seperti yang dihasratkan, KPM telah mengeluarkan:

1	Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2024: Pelaksanaan Ujian Akhir Sesi Akademik 2024/2025.
2	Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 2 Tahun 2024: Pengkategorian Semula Komponen Kokurikulum bagi Pasukan Badan Beruniform, Kelab dan Persatuan serta Sukan dan Permainan.
3	Surat Siaran Lembaga Peperiksaan Bilangan 2 Tahun 2022: Pemansuhan Pentaksiran Tingkatan 3 Mulai Kalendar Akademik Sesi 2022/2023.
4	Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 3 Tahun 2023: Pemerkasaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Mulai Sesi Akademik 2022/2023.
5	Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 9 Tahun 2022: Pelaksanaan Standard Pengukuran Indeks Jisim Badan (Body Mass Index) untuk Murid Sekolah Malaysia Berumur Lima hingga Sembilan Tahun (BMI 5-9T) Mengikut Kalendar Akademik Bermula Sesi 2022/2023.
6	Surat Siaran Lembaga Peperiksaan Bilangan 1 Tahun 2021: Pemansuhan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pemerkasaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Mulai Tahun 2021.
7	Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 14 Tahun 2018: Pemansuhan Amalan Peperiksaan Pertengahan dan Akhir Tahun Murid Tahap 1 (Tahun 1, Tahun 2 dan Tahun 3) di Sekolah Rendah KPM Mulai Tahun 2019.
8	Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 7 Tahun 2016: Pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Semakan 2017).
9	Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 8 Tahun 2016: Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) Secara Berperingkat-Peringkat Mulai Tahun 2017.
10	Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 9 Tahun 2016: Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah Secara Berperingkat-Peringkat Mulai Tahun 2017.
11	Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 2 Tahun 2016: Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan untuk Murid Sekolah Malaysia (SEGAK) bertarikh 17 Februari 2016.

SYARAT PELAKSANAAN

- a. Semua murid prasekolah di sekolah kebangsaan/sekolah jenis kebangsaan/dan sekolah swasta yang berdaftar dengan KPM pada peringkat prasekolah di bawah agensi kerajaan dan swasta yang tidak berdaftar dengan KPM tetapi mengikuti kurikulum kebangsaan hendaklah melaksanakan Pentaksiran BMI 5-9T pada peringkat prasekolah.
- b. Semua murid sekolah rendah di sekolah kebangsaan/sekolah jenis kebangsaan/dan sekolah swasta yang berdaftar dengan KPM pada peringkat sekolah rendah atau sekolah swasta yang tidak berdaftar dengan KPM tetapi mengikuti kurikulum kebangsaan hendaklah melaksanakan PBS pada peringkat sekolah rendah.
- c. Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)/sekolah di bawah agensi kerajaan/ Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN)/Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) dan sekolah swasta yang berdaftar dengan KPM atau sekolah swasta yang tidak berdaftar tetapi mengikuti kurikulum kebangsaan hendaklah melaksanakan PBS pada peringkat menengah rendah.


KOMPONEN PBS

PBS merupakan satu pentaksiran yang bersifat holistik iaitu menilai aspek kognitif, afektif dan psikomotor selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Kurikulum Kebangsaan. Komponen PBS terdiri daripada dua kategori iaitu akademik dan bukan akademik.

Kategori akademik terdiri daripada Pentaksiran Pusat (PP) dan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD).

Kategori bukan akademik terdiri daripada Pentaksiran Psikometrik (PPsi) dan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK).

Kedua-dua kategori ini memberikan pengiktirafan dan autonomi kepada guru untuk melaksanakan pentaksiran formatif dan sumatif yang berasaskan sekolah.



PELAKSANAAN PBS

Prasekolah/Sekolah Rendah

KOMPONEN PBS	PRA	TAHUN					
		1	2	3	4	5	6
PP							
PBD							
PAJSK							
SEGAKE							
BMI 5-9T							
PPsi							

Sekolah Menengah

KOMPONEN PBS	PERALIHAN	TINGKATAN					
		1	2	3	4	5	6
PP							
PBD							
PAJSK							
SEGAKE							
PPsi							

Pelaporan

KOMPONEN PBS	TAHUN								TINGKATAN					
	PRA	T1	T2	T3	T4	T5	T6		PERALIHAN	T1	T2	T3	T4	T5
PP														
PBD														
PAJSK														
SEGAKE & BMI 5-9T														
PPsi														

PP dikeluarkan dalam bentuk sijil dan pelaporan dijana daripada Sistem Pengurusan Peperiksaan Atas Talian (SPPAT).

Slip Pelaporan PBD dijana daripada SPPB Modul PBD.

Slip keputusan ujian SEGAKE dan ujian BMI 5-9T dijana dari SPPB Modul SEGAKE & BMI 5-9T.

Slip keputusan PPSi dijana daripada SPPB Modul Pentaksiran Psikometrik.

Slip keputusan PAJSK dijana daripada SPPB Modul PAJSK.

DOKUMEN RUJUKAN

Pentaksiran Pusat

1. **LP (2020):** Panduan Pengurusan dan Pengendalian Kerja Kursus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)
2. **LP (2025):** Garis Panduan Pengurusan dan Pentadbiran Pentaksiran Pusat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
3. **LP (2018):** Panduan Pengurusan Pentaksiran Sijil Vokasional Malaysia (SVM)
4. **LP (2022):** Panduan Pengurusan dan Pentadbiran Mata Pelajaran Aliran Kemahiran (MPAK)
5. **LP (2025):** Garis Panduan Pengurusan dan Pentadbiran Pentaksiran Alternatif Sekolah Menengah (PASM) Mulai 2021 Versi 3
6. **LP (2025):** Garis Panduan Pentadbiran Pentaksiran Alternatif Pendidikan Rendah (PAPR) Edisi ketiga

Pentaksiran Bilik Darjah

1. **BPK (2019):** Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah Edisi Ke-2, 2019

Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum

1. **BPK (2016):** Buku Panduan Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan untuk Murid Sekolah Malaysia (SEGAK)
2. **KPM (2021):** Buku Panduan Standard Pengukuran Indeks Jisim Badan (Body Mass Index) untuk Murid Sekolah Malaysia Berumur Lima hingga Sembilan Tahun (BMI 5-9T)

Pentaksiran Psikometrik

1. **LP (2020):** Panduan Pentadbiran Pentaksiran Psikometrik

BAB 2

PENGOPERASIAN PBS

PENGOPERASIAN PBS

Jawatankuasa (JK) PBS terdiri daripada beberapa peringkat dalam KPM iaitu JK Induk Peringkat KPM, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah.

JAWATANKUASA INDUK PBS PERINGKAT KPM

Pengerusi:	Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Naib Pengerusi:	Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (Sektor Dasar dan Kurikulum) Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (Sektor Operasi Sekolah) Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (Sektor Pembangunan Profesionalisme)
Urus Setia:	Lembaga Peperiksaan
Ahli:	1. Pengarah Peperiksaan Lembaga Peperiksaan 2. Pengarah Bahagian Pembangunan Kurikulum 3. Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian 4. Pengarah Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian 5. Pengarah Bahagian Profesionalisme Guru 6. Pengarah Bahagian Pendidikan Islam 7. Pengarah Bahagian Pendidikan Khas 8. Pengarah Bahagian Pendidikan Swasta 9. Pengarah Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional 10. Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh 11. Pengarah Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan 12. Pengarah Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan 13. Pengarah Institut Aminudin Baki 14. Pengarah <i>English Language Teaching Centre</i> 15. Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia 16. Ketua Nazir Sekolah Jemaah Nazir 17. Ketua Komunikasi Korporat Unit Komunikasi Korporat 18. Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat 19. Setiausaha Bahagian Psikologi dan Kaunseling 20. Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia 21. Setiausaha Bahagian PERMATA 22. Pengarah Pendidikan Negeri

JAWATANKUASA PBS PERINGKAT JPN

Pengerusi:	Pengarah Pendidikan Negeri
Naib Pengerusi:	Timbalan Pengarah Pendidikan Negeri; 1. Sektor Perancangan dan Pengurusan PPD 2. Sektor Pembelajaran 3. Sektor Pengurusan Sekolah 4. Sektor Pembangunan Murid
Urus Setia:	Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan
Ahli:	Ketua Penolong Pengarah Kanan/Ketua Penolong Pengarah; 1. Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan (SPP) 2. Sektor Pembelajaran (SPb) 3. Sektor Perancangan dan Pengurusan PPD 4. Sektor Pengurusan Sekolah (SPS) 5. Sektor Pembangunan Murid (SPMu) 6. Sektor Sumber dan Teknologi Pendidikan (SSTP) 7. Sektor Pendidikan Khas (SP Khas) 8. Sektor Pengurusan Maklumat (SPMu) 9. Sektor Pendidikan Islam (SPI) Pegawai Meja Pentaksiran Pusat, SPP Pegawai Meja PBD, SPb Pegawai Meja PPSi, Unit Hal Ehwal Murid SPMu Pegawai Meja PAJSK, Unit Pembangunan Bakat Murid, SPMu Pegawai Meja SEGAK dan BMI 5-9T, Unit Sains Sosial, SPb Pegawai Meja Prasekolah SPb Pegawai Meja Unit Pendidikan Swasta Pegawai Pendidikan Daerah
Jemputan:	Pengarah Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK) Ketua Nazir Negeri YDP Majlis Pengetua Sekolah Menengah YDP Persatuan Guru Besar Malaysia

PERINCIAN TUGAS;

Membentangkan Laporan kepada JK Induk PBS KPM;

- i. Laporan pelaksanaan (data, isu, amalan terbaik) semua komponen PBS; dan
- ii. Laporan penjaminan kualiti.

JAWATANKUASA PBS PERINGKAT PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH

Pengerusi:	Pegawai Pendidikan Daerah
Naib Pengerusi:	Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah; 1. Sektor Perancangan 2. Sektor Pembelajaran 3. Sektor Pengurusan Sekolah 4. Sektor Pembangunan Murid
Urus Setia:	Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan (SPP)
Ahli:	Pegawai Meja PP, SPP Pegawai Meja PBD, SPb Pegawai Meja SEGAK dan BMI 5-9T, Unit Sains Sosial, SPb Pegawai Meja PAJSK, Unit Pembangunan Bakat Murid, SPMu Pegawai Meja PPSi, Unit Hal Ehwal Murid, SPMu Pegawai Meja Prasekolah Pegawai Meja Pendidikan Sekolah Swasta Semua Pengetua/Guru Besar Wakil Pengetua/Guru Besar Sekolah Swasta <i>School Improvement Specialist Coaches (SISC+)</i> <i>School Improvement Partner (SIP+)</i>
Jemputan:	Pengarah Kolej Vokasional (Jika berkenaan)

PERINCIAN TUGAS;

Membentangkan Laporan kepada JK PBS Peringkat JPN;

- i. Laporan pelaksanaan (data, isu, amalan terbaik) semua komponen PBS; dan
- ii. Laporan penjaminan kualiti.

Nota: Bagi negeri yang tiada PPD, PBS dilaksanakan di peringkat JPN.

JAWATANKUASA PBS PERINGKAT SEKOLAH

Sekolah Rendah

Pengerusi:	Guru Besar
Naib Pengerusi:	Guru Penolong Kanan Pentadbiran Guru Penolong Kanan HEM Guru Penolong Kanan Kokurikulum Guru Penolong Kanan Petang (jika berkenaan) Guru Penolong Kanan Pendidikan Khas (jika berkenaan)
Urus Setia:	Setiausaha PBS
Ahli:	Ketua Panitia Mata Pelajaran Setiausaha PP (jika berkenaan) Penyelaras PBD Penyelaras SEGAK dan BMI 5-9T (Ketua Panitia Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan) Setiausaha Kokurikulum Guru Bimbingan dan Kaunseling Guru Pendidikan Khas (jika berkenaan) Penyelaras Prasekolah (jika berkenaan)

Sekolah Menengah

Pengerusi:	Pengetua
Naib Pengerusi:	Guru Penolong Kanan Pentadbiran Guru Penolong Kanan HEM Guru Penolong Kanan Kokurikulum Guru Penolong Kanan Petang (jika berkenaan) Guru Penolong Kanan Pendidikan Khas (jika berkenaan) Guru Penolong Kanan Tingkatan 6 (jika berkenaan)
Urus Setia:	Setiausaha PBS
Ahli:	Guru Kanan Mata Pelajaran Ketua Panitia Mata Pelajaran Guru Bimbingan dan Kaunseling Setiausaha PP Penyelaras PBD Penyelaras SEGAK (Ketua Panitia Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan) Setiausaha Kokurikulum Guru Pendidikan Khas (jika berkenaan)

Nota: Pelantikan JK PBS ini tertakluk kepada keperluan sekolah dan bergantung pada keperluan pihak lain. Seorang guru boleh memegang lebih daripada satu portfolio.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA PBS

Jawatankuasa PBS merupakan struktur yang ditubuhkan pada peringkat KPM untuk memastikan pelaksanaan PBS cekap dan berkesan selaras dengan dasar pendidikan negara.

Jawatankuasa ini diterajui oleh Lembaga Peperiksaan bersama-sama bahagian dalam KPM, iaitu Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH) dan Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) yang berperanan sebagai kustodian PBS. Peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa PBS adalah seperti berikut:

BIL	PERANAN/ TANGGUNGJAWAB	PERINGKAT			
		KPM	JPN	PPD	SEKOLAH
1.	Merancang dan menyelaraskan pelan tindakan	✓	✓	✓	✓
2.	Menyelaraskan aktiviti	✓	✓	✓	✓
3.	Memastikan dasar pelaksanaan PBS dipatuhi	✓	✓	✓	✓
4.	Menyediakan dokumen rujukan	✓			
5.	Memastikan pengoperasian PBS mengikut garis panduan yang ditetapkan	✓	✓	✓	✓
6.	Merancang dan melaksanakan penataran/taklimat	✓	✓	✓	✓
7.	Memberikan pendedahan dan latihan peningkatan kefahaman PBS	✓	✓	✓	✓
8.	Melaksanakan proses penjaminan kualiti	✓	✓	✓	✓
9.	Melaksanakan PBS dengan berintegriti	✓	✓	✓	✓
10.	Melaksanakan kajian (mengikut keperluan)	✓	✓		
11.	Melaporkan pelaksanaan PBS	✓	✓	✓	✓

PERINCIAN TUGAS JAWATANKUASA INDUK PBS

BIL	BAHAGIAN	TANGGUNGJAWAB	PERINCIAN TUGAS
1.	Lembaga Peperiksaan	Urus Setia	Mengurusetikan Jawatankuasa Induk PBS KPM.
		Kustodian Pentaksiran Pusat	i. Memastikan dasar, pelaksanaan dan penjaminan kualiti pentaksiran pusat mengikut panduan. ii. Menyediakan dan menguruskan Instrumen Pentaksiran Pusat.
2.	Bahagian Pembangunan Kurikulum	Kustodian Pentaksiran Bilik Darjah	Memastikan dasar dan pelaksanaan PBD mengikut panduan.
		Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (SEGAK dan BMI 5-9T)	Memastikan dasar, pelaksanaan dan penjaminan kualiti SEGAK dan BMI 5-9T mengikut panduan.
3.	Bahagian Pengurusan Sekolah Harian	Kustodian Pentaksiran Psikometrik	Memastikan dasar, pelaksanaan dan penjaminan kualiti Pentaksiran Psikometrik mengikut panduan.
		Pengoperasian dan Penjaminan Kualiti PBD	Memastikan pengoperasian penjaminan kualiti PBD dilaksanakan mengikut panduan.
4.	Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian	Kustodian Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum	Memastikan dasar, pelaksanaan dan penjaminan kualiti PAJSK mengikut panduan.
5.	Jemaah Nazir	Standard Kualiti	Membentangkan laporan pemeriksaan pelaksanaan PBS.
6.	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan	Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan	i. Melaksanakan proses semakan pelaksanaan dasar secara berterusan. ii. Melaksanakan kajian berkaitan PBS.
7.	Bahagian Profesionalisme Guru, Institut Aminuddin Baki, Institut Pendidikan Guru Malaysia, <i>English Language Teaching Centre</i>	Latihan	i. Memberikan latihan, kemahiran serta peningkatan kompetensi kepada guru praperkhidmatan, guru dalam perkhidmatan, pemimpin sistem dan pemimpin sekolah. ii. Memberikan sokongan dan khidmat nasihat dalam pelaksanaan komponen PBS. iii. Melaksanakan latihan secara berfokus.
8.	Unit Komunikasi Korporat	Komunikasi	i. Melaksanakan pelan komunikasi untuk hebahan PBS. ii. Melaksanakan hebahan kepada pemegang taruh.

BIL	BAHAGIAN	TANGGUNGJAWAB	PERINCIAN TUGAS
9.	Semua Bahagian Sektor Operasi Sekolah (SOS), JPN	Pengoperasian PBS	Melaksanakan pengoperasian mengikut panduan yang ditetapkan.
10.	Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan	Bahan Sokongan	i. Menghasilkan bahan sokongan digital. ii. Menyelaraskan kandungan audio siar dan video siar (podcast).
11.	Bahagian Pengurusan Maklumat	Sokongan Teknikal	i. Membangunkan dan menyelenggarakan sistem dan aplikasi PBS. ii. Menganalisis, memantau dan menambah baik kemudahan dan infrastruktur ICT.
12	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	Sokongan Personel	Menguruskan perkara berkaitan sumber manusia.
13.	Bahagian Pendidikan Swasta	Pengoperasian PBS	i. Memastikan pengoperasian PBS di sekolah swasta yang berdaftar dengan KPM dan menggunakan kurikulum kebangsaan mengikut panduan. ii. Memastikan penjaminan kualiti PBS dilaksanakan di sekolah swasta yang berdaftar dengan KPM.

BAB 3

PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH

3.1 PENTAKSIRAN PUSAT

DEFINISI PENTAKSIRAN PUSAT

Pentaksiran Pusat (PP) ialah komponen Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang merupakan pentaksiran sumatif yang setara untuk menilai pencapaian akademik murid. PP mentaksir aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai secara menyeluruh.

PP merupakan satu pendekatan pentaksiran yang dilaksanakan di sekolah dengan instrumen pentaksiran, tugas, garis panduan dan panduan penskoran dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan (LP), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

PRINSIP PENTAKSIRAN PUSAT

LP menyediakan:

- i. Format Instrumen Pentaksiran
- ii. Instrumen Pentaksiran
- iii. Panduan Penskoran
- iv. Panduan Pengurusan dan Pentadbiran

Sekolah melaksanakan perkara berikut:

- i. Mentadbir Instrumen
- ii. Memeriksa Skrip Jawapan Calon
- iii. Merekod Skor

JENIS PENTAKSIRAN PUSAT

- i. Kerja Kursus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)
- ii. Kerja Kursus, Ujian Lisan dan Modul Pentaksiran Kerja Kursus (MPKK) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
- iii. Pentaksiran Berterusan dan Penilaian Akhir Sijil Vokasional Malaysia (SVM)
- iv. Pentaksiran Mata Pelajaran Aliran Kemahiran (MPAK)
- v. Pentaksiran Alternatif Sekolah Menengah (PASM)
- vi. Pentaksiran Alternatif Pendidikan Rendah (PAPR)

SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

PENGENALAN

Kerja Kursus STAM merupakan pentaksiran pusat kendalian LP yang wajib dilaksanakan pada peringkat sekolah. Kerja Kursus STAM ditadbir, diperiksa dan direkod pada peringkat sekolah oleh guru berdasarkan instrumen pentaksiran, panduan penskoran dan garis panduan yang dikeluarkan oleh LP.

FORMAT PENTAKSIRAN

KOD MATA PELAJARAN	MATA PELAJARAN	FORMAT	PENYEDIAAN
S108/41	Adab dan Nusus	Kajian kes atau folio	Boleh dihasilkan secara bertaip komputer atau tulisan tangan.
S109/41	'Arudh dan Qafiyah	Video	Rakaman video.
S110/41	Balaghah	Kajian kes atau folio	Boleh dihasilkan secara bertaip komputer atau tulisan tangan.

PERSONEL

PERSONEL PENGURUSAN

i.	Lembaga Peperiksaan
ii.	Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri
iii.	Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan Pejabat Pendidikan Daerah
iv.	Pengetua

PERSONEL PENTADBIRAN

i.	Guru Penolong Kanan Tingkatan Enam
ii.	Setiausaha Peperiksaan

PERSONEL PENTAKSIRAN

i.	Ketua Pentaksir Kebangsaan
ii.	Ketua Pentaksir Negeri
iii.	Ketua Pentaksir Kawasan
iv.	Pentaksir Kawasan
v.	Ketua Pentaksir Sekolah
vi.	Pentaksir Sekolah

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)

PENGENALAN

Pentaksiran Pusat Sijil Pelajaran Malaysia (PP SPM) ialah perkongsian akauntabiliti antara LP dengan pihak sekolah dalam menjalankan komponen PP mata pelajaran yang ditawarkan pada peringkat SPM. LP menyediakan takwim PP sebagai panduan dalam melaksanakan PP SPM di peringkat sekolah.

FORMAT PENTAKSIRAN

Pelaksanaan Pentaksiran Pusat bagi setiap mata pelajaran hendaklah berpandukan format pentaksiran, manual pengoperasian atau modul pentaksiran mengikut mata pelajaran yang dikeluarkan oleh LP.

Komponen pentaksiran bagi PP pada peringkat SPM adalah seperti yang berikut:

- i. Ujian Lisan
- ii. Ujian Bertulis dan Persembahan
- iii. Kerja Kursus/Projek
- iv. Modul

UJIAN LISAN

Ujian Lisan merupakan pentaksiran yang dijalankan untuk menguji keterampilan calon berbahasa, kemahiran bertutur secara formal dan kemahiran mendengar calon. Ujian Lisan dijalankan dalam tempoh masa mengikut jadual kerja dan jadual sidang yang ditetapkan.

Calon Kurang Upaya Pendengaran dan Calon Kurang Upaya Pertuturan dikecualikan daripada melaksanakan Ujian Lisan.

Personel Pentadbiran merancang, menyusun jadual sidang mengikut jumlah calon dan menyediakan bilik peperiksaan.

Ujian Lisan PP SPM dikategorikan kepada dua iaitu:

- i. Ujian Lisan iaitu diambil oleh calon sekolah dan calon persendirian. Calon sekolah dikendalikan oleh Personel Pentadbiran dan calon persendirian dikendalikan oleh JPN; dan
- ii. Ujian Tilawah/Ujian Syafawi iaitu diambil oleh calon sekolah sahaja yang mengikuti Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT).

UJIAN BERTULIS DAN PERSEMBAHAN

Ujian Bertulis dan Persembahan merupakan PP yang dilaksanakan bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif. Komponen PP ini melibatkan penghasilan karya serta persembahan karya yang dihasilkan oleh calon peperiksaan yang mendaftar bagi mata pelajaran ini.

Pengoperasian Ujian Bertulis bagi mata pelajaran ini ditadbir dengan merujuk kepada Panduan Pengurusan Pusat Peperiksaan Bertulis dan dikendalikan oleh Personel Pentadbiran.

Ujian Bertulis dan Persembahan dilaksanakan mengikut takwim PP yang dikeluarkan oleh LP mengikut tahun semasa.

Skrip Jawapan Calon diperiksa oleh Personel Pentaksiran dengan merujuk kepada Panduan Penskoran.

KERJA KURSUS/PROJEK

Pentaksiran kerja kursus/projek menggunakan pendekatan pengujian autentik (*authentic*) iaitu calon dikehendaki agar mengemukakan kerja kursus/projek dengan menghasilkan produk/artifak/folio/persembahan untuk ditaksir.

Kerja kursus/projek dilaksanakan dengan mengikut jadual kerja yang ditetapkan.

Pentaksiran dijalankan secara berterusan dan dikendalikan sepenuhnya oleh Pentaksir Mata Pelajaran (PMP) semasa proses Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc).

TUGASAN MODUL MATA PELAJARAN VOKASIONAL (MPV)

Tugasan modul MPV merupakan pentaksiran yang menekankan pengetahuan teknikal, kemahiran kebolehkeraan serta nilai etika profesional calon.

Pentaksiran dijalankan secara berterusan dan dikendalikan sepenuhnya oleh PMP semasa proses Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc).

Hanya calon yang telah kompeten $\geq 50\%$ daripada jumlah keseluruhan modul pentaksiran di Tingkatan 4 layak untuk didaftarkan bagi peperiksaan SPM.

Calon hendaklah memperolehi $\geq 70\%$ markah untuk Kompeten (K) dalam setiap modul.

Pengulangan pentaksiran boleh dilakukan sekiranya calon Belum Kompeten (BK) dalam sesuatu modul pentaksiran. Calon diberikan peluang mengulang sehingga calon Kompeten (K) atau tamat tempoh pentaksiran. Calon boleh terus membuat permohonan untuk ditaksir semula kepada PMP.

Hanya calon yang telah menyelesaikan $\geq 30\%$ daripada keseluruhan modul sahaja yang layak untuk mendapat Sijil MPV.

MATA PELAJARAN BAGI CALON SEKOLAH TERMASUK CALON YANG MENGIKUTI KBT/KBD/SSeM

BIL	KOD	MATA PELAJARAN	TINGKATAN		KOMPONEN PP
			4	5	
1	1223/2	Pendidikan Islam		✓	Ujian Lisan
2	2216/2	Kesusasteraan Melayu Komunikatif		✓	Ujian Bertulis dan Persembahan
3	2361/2	Bahasa Arab		✓	Ujian Lisan
4	2711	Lukisan (SSeM)		✓	Kerja Kursus
5	2712	Sejarah Dan Pengurusan Seni (SSeM)		✓	Kerja Kursus
6	2713	Seni Halus 2D (SSeM)		✓	Kerja Kursus
7	2714	Seni Halus 3D (SSeM)		✓	Kerja Kursus
8	2715	Reka Bentuk Grafik (SSeM)		✓	Kerja Kursus
9	2716	Multimedia Kreatif (SSeM)		✓	Kerja Kursus
10	2717	Reka Bentuk Kraf (SSeM)		✓	Kerja Kursus
11	2718	Reka Bentuk Industri		✓	Kerja Kursus
12	2721	Produksi Seni Persembahan		✓	Kerja Kursus
13	2722	Alat Muzik Utama		✓	Kerja Kursus
14	2723	Muzik Komputer		✓	Kerja Kursus
15	2724	Aural Dan Teori Muzik		✓	Kerja Kursus
16	2731	Tarian		✓	Kerja Kursus
17	2732	Kreografi Tari		✓	Kerja Kursus
18	2733	Apresiasi Tari		✓	Kerja Kursus
19	2741	Lakonan		✓	Kerja Kursus
20	2742	Penulisan Skrip		✓	Kerja Kursus

MATA PELAJARAN BAGI CALON SEKOLAH TERMASUK CALON YANG MENGIKUTI KBT/KBD/SSeM

BIL	KOD	MATA PELAJARAN	TINGKATAN		KOMPONEN PP
			4	5	
21	2743	Sinografi		✓	Kerja Kursus
22	2611/3	Pendidikan Seni Visual		✓	Kerja Kursus
23	2621/2	Pendidikan Muzik		✓	Kerja Kursus
24	3729/2	Pertanian	✓	✓	Projek
25	3754/2	Pengajian Keusahawanan		✓	Kerja Kursus
26	3756/3	Prinsip Perakaunan		✓	Projek
27	3759/2	Lukisan Kejuruteraan		✓	Kerja Kursus
28	3760/2	Pengajian Kejuruteraan Mekanikal		✓	Kerja Kursus
29	3761/2	Pengajian Kejuruteraan Awam		✓	Kerja Kursus
30	3762/2	Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik		✓	Kerja Kursus
31	3763/2	Reka Cipta	✓	✓	Projek
32	3766/3	Perniagaan		✓	Projek
33	3768/2	Asas Kelestarian	✓	✓	Projek
34	3769/2	Sains Rumah Tangga	✓	✓	Projek
35	3770/2	Sains Komputer	✓	✓	Projek
36	3771/2	Grafik Komunikasi Teknikal		✓	Projek
37	4572/3	Sains Sukan	✓	✓	Projek
38	5227/2	Pendidikan Al-Quran Dan Al-Sunnah		✓	Ujian Lisan
39	5301/1 5301/2 5301/3	Hifz Al-Quran		✓	Ujian Hafazan Ujian Tahriri Ujian Prestasi
40	5302/1	Maharat Al-Quran		✓	Ujian Tilawah

MATA PELAJARAN BAGI CALON SEKOLAH TERMASUK CALON YANG MENGIKUTI KBT/KBD/SSeM

BIL	KOD	MATA PELAJARAN	TINGKATAN		KOMPONEN PP
			4	5	
41	5303/2	Turath Al-Quran dan Al-Sunnah		✓	Ujian Lisan
42	5304/2	Turath Dirasat Islamiah		✓	Ujian Lisan
43	5305/2	Turath Bahasa Arab		✓	Ujian Lisan
44	5401/2	Usul Al-Din		✓	Ujian Lisan
45	5402/2	Al-Syariah		✓	Kerja Kursus
46	5403/2	Al-Lughah Al-'Arabiah Al-Mu'asirah		✓	Ujian Lisan
47	5404/2	Manahij Al-Ulum Al-Islamiah		✓	Ujian Lisan
48	5405/2	Al-Adab Wa Al-Balaghah		✓	Ujian Lisan
49	6351/3	Bahasa Cina		✓	Ujian Lisan
50	6354/3	Bahasa Tamil		✓	Ujian Lisan
51	6356/3	Bahasa Iban	✓	✓	Ujian Lisan
52	6357/3	Bahasa Kadazandusun	✓	✓	Ujian Lisan
53	7101/2	Pembinaan Domestik	✓	✓	Modul
54	7103/2	Kerja Paip Domestik	✓	✓	Modul
55	7104/2	Pendawaian Domestik	✓	✓	Modul
56	7105/2	Kimpalan Arka Dan Gas	✓	✓	Modul
57	7106/2	Menservis Automobil	✓	✓	Modul
58	7107/2	Menservis Motosikal	✓	✓	Modul
59	7108/2	Menservis Peralatan Penyejukan dan Penyejukan Udara	✓	✓	Modul
60	7109/2	Menservis Peralatan Elektrik Domestik	✓	✓	Modul

MATA PELAJARAN BAGI CALON SEKOLAH TERMASUK CALON YANG MENGIKUTI KBT/KBD/SSeM

BIL	KOD	MATA PELAJARAN	TINGKATAN		KOMPONEN PP
			4	5	
61	7110/2	Pembuatan Perabot	✓	✓	Modul
62	7201/2	Rekaan dan Jahitan Pakaian	✓	✓	Modul
63	7202/2	Katering dan Penyajian	✓	✓	Modul
64	7203/2	Pemprosesan Makanan	✓	✓	Modul
65	7205/2	Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak	✓	✓	Modul
66	7207/2	Penjagaan Muka dan Penggayaan Rambut	✓	✓	Modul
67	7208/2	Gerontologi Asas dan Geriatrik	✓	✓	Modul
68	7301/2	Landskap dan Nurseri	✓	✓	Modul
69	7302/2	Akuakultur dan Haiwan Rekreasi	✓	✓	Modul
70	7303/2	Tanaman Makanan	✓	✓	Modul
71	7403/2	Produksi Multimedia	✓	✓	Modul
72	7405/2	Produksi Reka Tanda	✓	✓	Modul
73	7406/2	Hiasan Dalaman	✓	✓	Modul
74	7407/2	Grafik Komunikasi Teknikal	✓	✓	Modul

SYARAT KELAYAKAN/PENDAFTARAN

- i. Murid sekolah yang mengikuti Kurikulum Kebangsaan di sekolah-sekolah yang berdaftar dengan KPM atau Agensi kerajaan.
- ii. Calon sekolah Kerajaan/Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang mengikuti KBD, KBT. Calon sekolah swasta yang tidak berdaftar dengan KPM adalah tidak dibenarkan.
- iii. Pendaftaran calon hendaklah dilakukan dengan berpanduan peraturan dan syarat kelayakan yang ditetapkan oleh LP berdasarkan Surat Pekeliling dan Surat Siaran yang sedang berkuat kuasa.
- iv. Calon sekolah yang mendaftar mata pelajaran dengan komponen PP wajib melaksanakan PP.
- v. Calon yang tidak dapat menduduki mana-mana komponen PP akan dianggap TIDAK HADIR bagi mata pelajaran berkenaan.
- vi. Calon yang memerlukan pengecualian PP hendaklah memohon melalui pihak sekolah dengan mengemukakan dokumen sokongan seperti laporan perubatan tahun semasa atau kad OKU serta mengemukakan permohonan tersebut kepada Pengarah Pendidikan Negeri.

PERSONEL

PERSONEL PENGURUSAN

i.	Lembaga Peperiksaan
ii.	Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri
iii.	Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan Pejabat Pendidikan Daerah
iv.	Pengetua

PERSONEL PENTADBIRAN

i.	Guru Penolong Kanan Pentadbiran
ii.	Guru Kanan Mata Pelajaran
iii.	Ketua Panitia
iv.	Setiausaha Peperiksaan

PERSONEL PENTAKSIRAN

i.	Ketua Pentaksir Kebangsaan
ii.	Pentaksir Luar
iii.	Ketua Pentaksir Negeri
iv.	Ketua Pentaksir Kawasan
v.	Pentaksir Kawasan
vi.	Ketua Pentaksir Sekolah
vii.	Ketua Pentaksir Mata Pelajaran
viii.	Pentaksir Mata Pelajaran/Guru Lantikan Pengetua

SIJIL VOKASIONAL MALAYSIA (SVM)

PENGENALAN

Pentaksiran SVM di Kolej Vokasional (KV) terdiri daripada Pentaksiran Berterusan (PB) dan Penilaian Akhir (PA) yang merangkumi mata pelajaran program vokasional dan mata pelajaran akademik.

Pelaksanaan PB dilaksanakan secara PP yang merangkumi Ujian Bertulis, Ujian Amali dan Kerja Kursus. PA dilaksanakan secara peperiksaan pusat dan pentaksiran pusat. PP bagi PA merangkumi Ujian Bertulis, Ujian Amali dan Ujian Tilawah dan Hafazan.

Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV) telah melaksanakan Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) terkini yang telah dikemas kini bagi program SVM untuk kegunaan semua KV mulai tahun 2021 melalui Surat Makluman Pelaksanaan Kurikulum Standard Kolej Vokasional Program Pengajian Sijil dan Diploma Kolej Vokasional KPM Tahun 2021, No. Ruj: KPM.600-1/1/2 (33) bertarikh 31 Mac 2021. Berdasarkan KSKV tersebut, LP telah menyediakan format instrumen pentaksiran yang sesuai dengan objektif mata pelajaran.

FORMAT PENTAKSIRAN

BIL	MATA PELAJARAN	Semester				KOMPONEN PP
		1	2	3	4	
1	Bahasa Melayu	✓	✓	✓		Kerja Kursus (PB) dan Ujian Bertulis (PA)
2	Sejarah	✓	✓	✓		Kerja Kursus (PB) dan Ujian Bertulis (PA)
3	Bahasa Inggeris	✓	✓	✓	✓	Ujian Lisan (Mendengar & Bertutur), Kerja Kursus (PB) dan Ujian Bertulis (PA)
4	Matematik	✓	✓	✓	✓	Kerja Kursus (PB) dan Ujian Bertulis (PA)
5	Sains	✓	✓	✓	✓	Kerja Kursus (PB) dan Ujian Bertulis (PA)
6	Pendidikan Islam	✓	✓	✓	✓	Kerja Kursus dan Amali Solat (PB), Ujian Bertulis dan Ujian Lisan Tilawah & Hafazan (PA)
7	Pendidikan Moral	✓	✓	✓	✓	Kerja Kursus (PB) dan Ujian Bertulis (PA)
8	34 mata pelajaran vokasional	✓	✓	✓	✓	Ujian Bertulis dan Projek (PB) dan Ujian Amali (PA)

MATA PELAJARAN

AKADEMIK (7 Mata Pelajaran)	VOKASIONAL (34 Program)
1. Bahasa Melayu 2. Bahasa Inggeris 3. Matematik 4. Sains 5. Sejarah 6. Pendidikan Islam 7. Pendidikan Moral	1. Akuakultur 2. Bioteknologi 3. Pemprosesan Makanan 4. Agroindustri Tanaman 5. Agroindustri Ternakan Ruminan 6. Agroindustri Ternakan Poltri 7. Teknologi Mekanisasi Agro 8. Seni Kulinari 9. Seni Reka Fesyen 10. Bakeri dan Pastrri 11. Kosmetologi 12. Pelancongan 13. Insurans 14. Pemasaran 15. Perakaunan 16. Pengurusan Perniagaan 17. Pengurusan Peruncitan 18. Kesetiausahaan Pentadbiran 19. Teknologi Elektrik 20. Teknologi Elektronik 21. Teknologi Kimpalan 22. Teknologi Automotif 23. Teknologi Pemesinan Industri 24. Teknologi Penyejukan dan Penyamanan Udara 25. Teknologi Pembinaan 26. Teknologi Pemprosesan dan Kemasan Kayu 27. Teknologi Sistem Komputer dan Rangkaian 28. Teknologi Multimedia Kreatif (Animasi) 29. Teknologi Pemprosesan Sistem Pengurusan Pengkalan Data dan Aplikasi Web 30. Teknologi Enjin Marin 31. Teknologi Pembuatan Bot 32. Pembinaan Landskap 33. Pendidikan Awal Kanak-Kanak 34. Teknologi Reka Bentuk Grafik dan Media Cetak

SYARAT KELAYAKAN/PENDAFTARAN

- i. Semua murid di KV KPM yang mengikuti Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) hendaklah melaksanakan Pentaksiran Berterusan dan Penilaian Akhir; dan
- ii. Murid berada di Semester 1, 2, 3 dan 4 mengikuti sesi pengajian pada tahun semasa pentaksiran.

PERSONEL

PERSONEL PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

i.	Pengarah KV
ii.	Timbalan Pengarah Akademik
iii.	Ketua Jaminan Kualiti
iv.	Ketua Jabatan
v.	Ketua Unit
vi.	Ketua Program
vii.	Ketua Jabatan Penilaian dan Pentaksiran
viii.	Tenaga Pengajar
ix.	Ketua Pengawas Pentaksiran
x.	Pengawas Pentaksiran

PERSONEL PENTAKSIRAN

i.	Ketua Pentaksir Mata Pelajaran
ii.	Pentaksir Mata Pelajaran

PELAPORAN

Keputusan SVM bagi setiap semester dikeluarkan dalam bentuk slip keputusan, transkrip dan sijil SVM kepada calon yang memenuhi syarat penganugerahan SVM.

MATA PELAJARAN ALIRAN KEMAHIRAN (MPAK)

PENGENALAN

Pentaksiran MPAK adalah komponen PP di peringkat menengah atas. Pelaksanaan MPAK menggunakan instrumen pentaksiran berbentuk Ujian Bertulis, Ujian Bertutur dan Mendengar, Ujian Tilawah dan Hafazan dan Kerja Kursus.

FORMAT PENTAKSIRAN

LP telah menyediakan format pentaksiran bagi Mata Pelajaran Aliran Kemahiran Bahasa Inggeris, Matematik, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral mulai tahun 2021. Format tersebut telah dibentangkan dan dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Kebangsaan, Bil. 1/2021 pada Julai 2021.

Pelaksanaan PP bagi setiap mata pelajaran hendaklah berpandukan format pentaksiran, panduan pengurusan atau modul pentaksiran mengikut mata pelajaran yang dikeluarkan oleh LP.

BIL	MATA PELAJARAN	KOMPONEN PP
1	Bahasa Inggeris (1120)	Ujian Bertulis, Ujian Bertutur dan Mendengar
2	Matematik (1450)	Ujian Bertulis
3	Pendidikan Islam (1224)	Ujian Bertulis, Ujian Tilawah dan Hafazan dan Kerja Kursus
4	Pendidikan Moral (1226)	Ujian Bertulis dan Kerja Kursus

MATA PELAJARAN

KOLEJ VOKASIONAL (KV) •SKIM LATIHAN DUAL NASIONAL (SLDN) •SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM)	SMK HARIAN •PROGRAM VOKASIONAL MENENGAH ATAS (PVMA) •PROGRAM INDUSTRI MENENGAH ATAS (PIMA)
1. Bahasa Inggeris (1120) 2. Pendidikan Islam (1224) 3. Pendidikan Moral (1226) 4. Matematik (1450)	1. Pendidikan Islam (1224) 2. Pendidikan Moral (1226) 3. Matematik (1450)

SYARAT KELAYAKAN/PENDAFTARAN

- i. Murid Tingkatan 5 yang mengikuti Kurikulum Kebangsaan di sekolah-sekolah yang berdaftar dengan KPM atau Agensi Kerajaan; dan
- ii. Telah mencapai umur 16 tahun pada 1 Januari tahun pendaftaran peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

PERSONEL

PERSONEL PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN	
i.	Pengarah KV
ii.	Pengetua
iii.	Timbalan Pengarah Akademik
iv.	Guru Penolong Kanan Pentadbiran
v.	Guru Kanan Mata Pelajaran
vi.	Ketua Unit
vii.	Ketua Panitia
viii.	Ketua Jabatan Penilaian dan Pentaksiran
ix.	Setiausaha Peperiksaan/Penyelaras MPAK
x.	Guru Mata Pelajaran
xi.	Guru Lantikan Pengetua/Pengarah KV
xii.	Ketua Pengawas Pentaksiran
xiii.	Pengawas Pentaksiran

PELAPORAN

Calon memperolehhi Pernyataan Keputusan yang dikeluarkan oleh LP melalui Pentadbir Sekolah/KV.

PENTAKSIRAN ALTERNATIF

PENGENALAN

Pentaksiran Alternatif merupakan pentaksiran yang direka bentuk khusus untuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK). Pentaksiran ini bertujuan untuk mengesan kebolehan dalam ketidakbolehan (*tapping into ability*) MBPK untuk mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu.

JENIS PENTAKSIRAN ALTERNATIF

1. Pentaksiran Alternatif Sekolah Menengah (PASM)
2. Pentaksiran Alternatif Pendidikan Rendah (PAPR)

FORMAT PENTAKSIRAN

Konsep Pentaksiran Alternatif adalah seperti berikut:

- i. Pentaksiran autentik dan bersepadu (merentas kurikulum);
- ii. Berfokus pada pentaksiran untuk pembelajaran; dan
- iii. Pentaksiran serta perekodan berterusan dan sistematik menggunakan teknologi pintar (MyALT).

Dokumen Standard Pentaksiran Alternatif (DSPA)/Dokumen Standard Kebolehan (DSK)

- i. DSPA/DSK mengandungi senarai konstruk dan standard kebolehan. Konstruk diperincikan kepada domain, elemen dan outcome yang dapat menggambarkan potensi MBPK secara keseluruhan sepanjang berada dalam sistem persekolahan.
- ii. Setiap outcome yang dihasilkan akan mengandungi indikator standard kebolehan.
- iii. Standard kebolehan merangkumi tahap (ilmu, amal, adab), peringkat (diri, keluarga, masyarakat) dan kualiti (ada, cukup, lebih).
- iv. Standard kebolehan digunakan untuk melihat kemajuan dan pertumbuhan (growth) pembelajaran serta pencapaian prestasi seseorang murid.

Instrumen Pentaksiran

Environment Based Assessment Instrument (EBAI) ialah instrumen pentaksiran yang dibangunkan dengan berasaskan situasi sebenar kehidupan serta persekitaran pembelajaran murid. EBAI disediakan untuk kegunaan personel pentaksiran dalam penentuan tahap kebolehan berdasarkan DSPA.

PENTAKSIRAN ALTERNATIF SEKOLAH MENENGAH (PASM)

PUNCA KUASA

- i. Konsep PASM diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Kebangsaan (MJKK) Bil.1/2020 bertarikh 21 Februari 2020.
- ii. Pelaksanaan PASM diluluskan dalam Mesyuarat Profesional KPM (MPKPM) Bil. 37/2021 bertarikh 2 November 2021.
- iii. Instrumen EBAI dan DSPA telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Kebangsaan (MJKK) Bil.1/2021 bertarikh 9 November 2021.
- iv. Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 10 Tahun 2021. Pelaksanaan Pentaksiran Sekolah Menengah (PASM) Bagi Murid Berkeperluan Khas Mulai Tahun 2021 bertarikh 23 Disember 2021.

PELAPORAN

- i. PASM dilaksanakan untuk pengiktirafan dan pensijilan bagi MBPK pada peringkat sekolah menengah.
- ii. MBPK yang tidak menduduki SPM/SVM boleh menduduki PASM dan memperoleh Sijil Alternatif Sekolah Menengah (SASM).
- iii. SASM akan dianugerahkan kepada calon berdasarkan salah satu daripada syarat yang berikut:
 - berumur 19 tahun; atau
 - tamat persekolahan pada Tingkatan 5 (17/18 tahun); atau
 - berumur 19 - 20 tahun di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional.

PENTAKSIRAN ALTERNATIF PENDIDIKAN RENDAH (PAPR)

PUNCA KUASA

- i. Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Kebangsaan (MJKK) Bil. 3/2022 bertarikh 22 Disember 2022.
- ii. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia (MPKPM) Bil. 9/2023 bertarikh 6 April 2023.
- iii. Surat Pekeliling Lembaga Peperiksaan Bilangan 1 Tahun 2023: Pelaksanaan Pentaksiran Alternatif Pendidikan Rendah Bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Mulai Kalendar Akademik Sesi 2023/2024 bertarikh 27 Jun 2023.

PELAPORAN

- i. Pelaporan yang diperoleh merupakan maklumat asas bagi persediaan pembelajaran dan pentaksiran MBPK di sekolah menengah iaitu PASM.
- ii. Pelaporan PAPR berbentuk pernyataan standard kebolehan berkaitan konstruk yang telah ditaksir. Pelaporan ini akan diberikan kepada MBPK yang menamatkan persekolahan pada peringkat sekolah rendah.

PERSONEL

Personel PASM dan PAPR merupakan pegawai daripada KPM, JPN, PPD dan sekolah yang bertanggungjawab untuk mengurus, mentadbir dan melaksanakan pentaksiran.

Kategori personel terdiri daripada:

PERSONEL PENGURUSAN

i.	Pengarah Peperiksaan, Lembaga Peperiksaan
ii.	Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri
iii.	Pegawai Pendidikan Daerah
iv.	Pengetua/Guru Besar

PERSONEL PENTADBIRAN

i.	Penolong Kanan Pendidikan Khas/Penolong Kanan Pentadbiran (SMPKV/SMPK)/ Penyelaras Program Pendidikan Khas Lantikan Dalam
ii.	Setiausaha PASM/PAPR
iii.	Pembantu Pengurusan Murid

PERSONEL PENTAKSIRAN

i.	Ketua Pentaksir Kebangsaan
ii.	Ketua Pentaksir Negeri
iii.	Ketua Pentaksir Kawasan
iv.	Pentaksir Kawasan
v.	Penolong Kanan Pendidikan Khas (PKPK)/Penyelaras Program Pendidikan Khas Integrasi Lantikan Dalam
vi.	Pentaksir Sekolah
vii.	Ibu Bapa/Penjaga*

PERSONEL PENTAKSIRAN	
viii.	Komuniti*
ix.	Rakan*
x.	Calon*

*Melibatkan Personel PASM sahaja

PELANTIKAN PERSONEL PENTAKSIR PASM/PAPR

JAWATAN/PERANAN	LANTIKAN	PENERANGAN
Ketua Pentaksir Kebangsaan	LP	1 KPK di peringkat kebangsaan
Ketua Pentaksir Negeri Ketua Pentaksir Kawasan Pentaksir Kawasan	JPN/PPD	1 KPN di peringkat negeri 1 KPKw di peringkat daerah 1 PKw bagi 3 hingga 5 sekolah di peringkat daerah
Pentaksir Sekolah Ibu Bapa/Penjaga* Komuniti* Rakan* Calon*	PGB	Guru PPKI/SPK/SPMKV Ibu Bapa/Penjaga calon i. Warga sekolah ii. Masyarakat setempat Rakan di sekolah Calon yang berdaftar

*Melibatkan Personel PASM sahaja

Syarat Pelantikan Pentaksir

Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang:

- mengajar dan terlibat dengan pengurusan murid PPKI/SPK/SMPKV;
- telah didaftarkan dalam portal MyALT; dan
- mengikuti Modul Pembangunan Kompetensi Personel PASM/PAPR.

SISTEM PENTAKSIRAN ALTERNATIF

Sekolah yang terlibat hendaklah menggunakan sistem yang telah disediakan oleh LP untuk pentaksiran PASM dan PAPR.

PROGRAM BIMBINGAN BERTERUSAN PASM dan PAPR (PBB PASM/PAPR)

PBB PASM/PAPR ialah satu pendekatan dalam menjamin kualiti pelaksanaan PASM/PAPR di sekolah. PBB PASM/PAPR diperkenalkan dengan menggunakan konsep bimbingan kepada setiap personel untuk memastikan pentaksiran dilaksanakan seperti yang digariskan.

Aktiviti PBB PASM/PAPR adalah untuk memastikan perkara yang berikut:

Pemantauan	pentaksiran mengikut prosedur dan garis panduan
Penyelarasan	ketepatan dalam penentuan standard kebolehan calon
Pengesanan	mengesan kekuatan dan kelemahan EBAI yang dilaksanakan
Pementoran	membimbing dan meningkatkan pengetahuan dan kefahaman guru

JAWATANKUASA BIMBINGAN PASM/PAPR (JB PASM/PAPR)

PBB PASM/PAPR dilaksanakan oleh JB PASM/PAPR yang ditubuhkan pada peringkat KPM, JPN, PPD dan sekolah.

Peringkat Kebangsaan (KPM)	
i.	Pengarah Peperiksaan
ii.	Timbalan Pengarah Peperiksaan
iii.	Timbalan Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
iv.	Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Kurikulum
v.	Timbalan Pengarah Bahagian Pendidikan Khas
vi.	Timbalan Ketua Nazir Sekolah Kanan
vii.	Ketua Penolong Pengarah/Penolong Pengarah LP
viii.	Ketua Pentaksir Kebangsaan

Peringkat Negeri (JPN)	
i.	Pengarah Pendidikan Negeri
ii.	Timbalan Pengarah Pendidikan, Sektor Pembelajaran
iii.	Ketua Penolong Pengarah Kanan/Ketua penolong Pengarah/Penolong Pengarah, Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan
iv.	Ketua Penolong Pengarah Kanan/Ketua penolong Pengarah/Penolong Pengarah Sektor Pendidikan Khas

Peringkat Daerah (PPD)

i.	Pegawai Pendidikan Daerah
ii.	Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah, Sektor Pembelajaran
iii.	Penolong Pegawai Pendidikan - Pentaksiran dan Peperiksaan, Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan
iv.	Penolong Pegawai Pendidikan - Pendidikan Khas, Sektor Pembelajaran
v.	Ketua Pentaksir Kawasan
vi.	Pentaksir Kawasan

Peringkat Sekolah


i.	Pengetua
ii.	Penolong Kanan Pendidikan Khas/ Penolong Kanan Pentadbiran (SMPKV/SMPK)/ Penyelaras Program Pendidikan Khas Lantikan Dalaman
iii.	Setiausaha PASM/PAPR
iv.	Pentaksir Sekolah
v.	Wakil ibu bapa penjaga*
vi.	Wakil komuniti*

**Melibatkan Personel PASM sahaja*

3.2 PENTAKSIRAN BILIK DARJAH


KONSEP

- Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) merupakan proses yang berterusan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) untuk mendapatkan maklumat tentang perkembangan, kemajuan, kebolehan dan penguasaan murid terhadap matlamat kurikulum yang dihasratkan.
- PBD juga merupakan proses mengumpul dan menganalisis maklumat serta membuat refleksi yang berterusan terhadap PdP untuk membuat pertimbangan secara konsisten ke arah menambah baik PdP tersebut.
- PBD terdiri daripada pentaksiran formatif dan sumatif iaitu:
 - i. Pentaksiran untuk Pembelajaran (*Assessment for Learning*)
 - ii. Pentaksiran sebagai Pembelajaran (*Assessment as Learning*)
 - iii. Pentaksiran tentang pembelajaran (*Assessment of Learning*)



OBJEKTIF PBD

PBD dilaksanakan untuk mendapatkan gambaran tentang perkembangan, kemajuan, kebolehan dan penguasaan pembelajaran murid di samping memberi maklum balas tentang pengajaran guru.



CIRI UTAMA PBD

Terdapat 9 ciri utama PBD yang dapat membantu guru melaksanakan PdP dengan lebih berkesan.


9 CIRI-CIRI UTAMA PBD	
	Dirancang oleh Guru Menilai murid
	Bersistem Merancang PdP, menentukan instrumen, melaksanakan PdP dan pentaksiran, merekod, menganalisis, mengambil tindakan susulan dan melapor
	Formatif dan Sumatif - Dijalankan secara berterusan - Mengesan perkembangan, kemajuan, kebolehan dan penguasaan murid
	Pelbagai Kaedah - Pemerhatian - Lisan - Bertulis
	Berasaskan Kriteria Menilai penguasaan berdasarkan Standard Kandungan, Standard Pembelajaran, Standard Prestasi dan Tahap Penguasaan yang ditetapkan
	Menekankan Perkembangan Individu Berdasarkan kemampuan individu, bukan untuk perbandingan antara individu
	Mengesan Perkembangan Pembelajaran Secara Menyeluruh - Jasmani, emosi, rohani dan intelek - Kognitif, psikomotor dan afektif
	Membolehkan Tindakan Susulan - Mengatasi kelemahan pembelajaran - Mempertingkatkan kekuatan pembelajaran
	Menggalakkan Pentaksiran Kendiri dan Pentaksiran Rakan Sebaya - Melatih murid mentaksir kemajuan secara berterusan - Guru mendapat maklumat tambahan

PELAKSANAAN PBD

Dalam pelaksanaan PBD, guru perlu:

- merancang PdP dan pentaksiran
- melaksanakan PdP dan pentaksiran
- mencatat status perkembangan murid
- tindakan susulan
- melaporkan Tahap Penguasaan

Rajah menunjukkan carta alir pelaksanaan PBD.



- Guru perlu memberikan maklum balas semasa pentaksiran untuk membantu murid mengenal pasti kekuatan, kelemahan dan aspek yang perlu diperbaiki.
- Maklum balas berfungsi sebagai panduan penting untuk meningkatkan pembelajaran, menyesuaikan strategi dan mencapai kemajuan.


TAHAP PENGUASAAN

- Pelaksanaan PBD melibatkan penentuan Tahap Penguasaan bagi setiap murid dengan merujuk kepada Standard Prestasi.
- Tahap Penguasaan merupakan satu bentuk pernyataan pencapaian yang menunjukkan perkembangan, kemajuan, kebolehan dan penguasaan pembelajaran murid.
- Guru perlu menyelesaikan PdP bagi satu kelompok bidang, tema atau kemahiran dalam Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran sebelum menentukan Tahap Penguasaan murid.
- Guru perlu merekod perkembangan murid sama ada di dalam buku rekod mengajar, buku latihan murid, buku catatan guru, buku amali murid, folio hasil kerja murid, senarai semak, jadual atau lain-lain yang bersesuaian.
- Guru perlu membuat pertimbangan profesional untuk menentukan Tahap Penguasaan murid.
- Pertimbangan profesional ialah pertimbangan yang dibuat menggunakan pengetahuan profesional terhadap hasrat kurikulum yang dihasratkan mencakupi pengetahuan, kemahiran, nilai, bukti pencapaian, strategi pengajaran, kaedah pentaksiran, serta kriteria dan standard yang ditetapkan.
- Pertimbangan profesional memerlukan guru membuat keputusan secara beretika dan bertanggungjawab tentang tahap penguasaan murid, berdasarkan analisis dan rumusan maklumat terhadap pembelajaran.
- Guru menggunakan pengetahuan, pengalaman, input murid dan mengamalkan tanggungjawab profesional dalam membuat pertimbangan profesional.



MODERASI

- Moderasi merupakan proses penetapan aspek atau kriteria dalam pentaksiran.
- Proses ini melibatkan guru membuat keputusan yang konsisten semasa mentaksir Tahap Penguasaan murid.
- Moderasi penting untuk mengurangkan jurang pertimbangan profesional antara seorang guru dengan guru yang lain.
- Dalam proses moderasi, guru berkongsi pengalaman, pengetahuan, pemahaman kurikulum (Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi), strategi pengajaran serta pentaksiran untuk melaksanakan pertimbangan profesional.
- Moderasi dilaksanakan oleh guru mata pelajaran yang sama atau dalam panitia yang sama.




- Moderasi melibatkan perbincangan, penyelarasan dan persetujuan sesama rakan sejawat dalam panitia atau mata pelajaran yang sama berdasarkan aspek berikut:

ASPEK YANG DIMODERASIKAN



KAEDAH PENTAKSIRAN

Guru melaksanakan pentaksiran secara berterusan dalam PdP dengan menggunakan kaedah **pemerhatian**, **lisan** dan **bertulis**.



a) Pemerhatian

- Sesuai digunakan untuk mentaksir proses dan hasil kerja murid seperti penghasilan lukisan, buku skrap, kraf tangan, produk atau kerja kursus.
- Membolehkan guru menilai penguasaan sesuatu kemahiran dan sikap murid.
- Contoh instrumen adalah seperti senarai semak, skala kadar (rating scale), anekdot dan rekod berterusan (running record).

b) Lisan

- Mudah dan cepat untuk mengesan perkembangan, kemajuan, kebolehan atau penguasaan pembelajaran.
- Boleh berlaku secara spontan semasa PdP atau secara terancang melalui sesi soal jawab atau kuiz.
- Instrumen pentaksiran secara lisan boleh dipelbagaikan dengan merangkumi soalan dan aktiviti yang memerlukan respons murid dalam bentuk lisan.

Dalam menyediakan instrumen, guru perlu memastikan:

- i. soalan, pernyataan, ilustrasi dan bahan rangsangan perlu jelas dan mudah difahami;
- ii. aktiviti atau bahan boleh merangsang murid mengeluarkan idea; dan
- iii. pelbagai bentuk soalan seperti soalan bertumpu dan bercapah digunakan untuk merangsang murid berfikir.

c) Bertulis

- Melibatkan aktiviti menyemak dan memeriksa tugas serta hasil penulisan murid seperti karangan, Laporan projek/eksperimen kerja kursus/folio, latihan dan ujian bertulis.
- Instrumen dalam pentaksiran secara bertulis digunakan untuk mengesan perkembangan intelek dan kemahiran murid dari aspek menulis, menyusun idea, mengaplikasi, mentafsir, menilai dan mencipta.

PELAKSANAAN UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

- Ujian akhir sesi akademik adalah antara bentuk pentaksiran sumatif dalam PBD. Prinsip ujian akhir sesi akademik adalah seperti berikut:
 - i. Dilaksanakan pada peringkat sekolah pada akhir sesi persekolahan.
 - ii. Melibatkan murid Tahun 4 hingga Tahun 6 di sekolah rendah dan murid Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 di sekolah menengah.
 - iii. Menguji tahap kognitif murid dan bukan membandingkan prestasi atau pencapaian antara murid, sekolah, daerah dan negeri.

INSTRUMEN UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

Instrumen ujian akhir sesi akademik melibatkan semua mata pelajaran tahap dua sekolah rendah dan menengah rendah. Walau bagaimanapun, KPM hanya menyediakan format instrumen dan JSU piawai bagi tujuh

mata pelajaran tahap dua sekolah rendah dan 19 mata pelajaran menengah rendah. Bagi mata pelajaran lain, sekolah hendaklah menyediakan format instrumen dan JSU bagi mata pelajaran berkenaan seperti dalam Jadual 1, 2 dan 3.

Format dan JSU Mata Pelajaran Tahap Dua Sekolah Rendah yang disediakan oleh KPM

Bil	Mata Pelajaran (MP)
1	Bahasa Melayu
2	Bahasa Inggeris
3	Matematik (*SK/SJKC/SJKT)
4	Sains (*SK/SJKC/SJKT)
5	Sejarah (*SK/SJKC/SJKT)
6	Bahasa Cina (*SJKC)
7	Bahasa Tamil (*SJKT)

*SK - Sekolah Kebangsaan, SJKC - Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan SJKT Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil

Format dan JSU Mata Pelajaran Tahap Dua Sekolah Rendah yang disediakan oleh sekolah

Bil	Mata Pelajaran (MP)	Bil	Mata Pelajaran (MP)
1	Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan PJPk	8	Bahasa Arab
2	Pendidikan Seni Visual PSV	9	Bahasa Kadazandusun
3	Pendidikan Islam	10	Bahasa Iban
4	Pendidikan Moral	11	Bahasa Semai
5	Pendidikan Muzik	12	Bahasa Cina SK
6	Reka Bentuk dan Teknologi	13	Bahasa Tamil SK
7	Bahasa Tamil		

Format dan JSU Mata Pelajaran Menengah Rendah yang disediakan oleh KPM

Bil	Mata Pelajaran (MP)	Bil	Mata Pelajaran (MP)
1	Bahasa Melayu Kertas 1	10	Bahasa Semai
	Bahasa Melayu Kertas 2	11	Pendidikan Islam
2	Bahasa Inggeris Pemahaman	12	Matematik
	Bahasa Inggeris Penulisan	13	Sains
3	Sejarah	14	Asas Sains Komputer
4	Geografi	15	Reka Bentuk dan Teknologi
5	Bahasa Arab	16	Maharat Al-Quran
6	Bahasa Cina	17	Usul Al-Din
7	Bahasa Tamil	18	Al-Syariah
8	Bahasa Iban	19	Al-Lughah Al-'Arabiah Al-Mu'asirah
9	Bahasa Kadazandusun		

Format dan JSU Mata Pelajaran Menengah Rendah yang disediakan oleh sekolah

Bil	Mata Pelajaran (MP)
1	Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan
2	Pendidikan Seni Visual
3	Pendidikan Moral
4	Pendidikan Muzik

- Ujian akhir sesi akademik melibatkan semua mata pelajaran untuk mentaksir domain kognitif secara ujian bertulis sahaja. Namun begitu, bagi mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan, Pendidikan Seni Visual, Pendidikan Muzik yang mengandungi domain psikomotor dan domain afektif lebih banyak berbanding dengan domain kognitif, autonomi diberikan kepada sekolah untuk melaksanakan pentaksiran dalam bentuk ujian bertulis atau projek.
- Kaedah pentaksiran lain seperti lisan, amali, projek dan lain-lain dilaksanakan dalam Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) berterusan.
- Bagi instrumen pentaksiran Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) (inklusif penuh dan separa sahaja), moderasi/modifikasi boleh dilakukan oleh pihak sekolah mengikut kesesuaian murid.


PEREKODAN DAN PELAPORAN PBD

- Merekod ialah aktiviti mencatat maklumat secara sistematik berkaitan perkembangan, kebolehan, kemajuan dan penguasaan murid.
- Maklumat yang direkod perlu dianalisis dan ditafsir untuk tujuan tindakan susulan dan pelaporan.
- Maklumat dalam rekod perlu dikemas kini, disimpan dan dijaga dengan baik untuk memudahkan guru membuat rujukan tentang pembelajaran murid.
- Pelaporan PBD dilaksanakan dua kali setahun, iaitu pada pertengahan dan akhir sesi akademik.
- Perekodan dan pelaporan pentaksiran berterusan bagi pertengahan dan akhir sesi akademik melibatkan murid Tahun 1 hingga Tingkatan 5 termasuk Kelas Peralihan.
- Perekodan dan pelaporan ujian akhir sesi akademik melibatkan murid Tahun 4 hingga Tahun 6 dan Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3. Skor ujian akhir sesi akademik direkod dalam bentuk peratus. Pelaporan tahap penguasaan murid dalam pentaksiran berterusan dan pencapaian bagi ujian akhir sesi akademik dijana dalam satu pelaporan.

Julat peratus dan gred ujian akhir sesi akademik adalah seperti jadual berikut:

Peratus (%)	Gred	Tafsiran Gred
82 - 100	A	Cemerlang
66 - 81	B	Kepujian
50 - 65	C	Baik
35 - 49	D	Memuaskan
20 - 34	E	Mencapai Tahap Minimum
0 - 19	F	Belum Mencapai Tahap Minimum

- Perekodan dan pelaporan data PBD dilaksanakan secara dalam talian melalui Modul PBD dalam Sistem Pengurusan Pentaksiran Bersepadu (SPPB) KPM.
- Guru boleh mengakses SPPB menggunakan log masuk masing-masing melalui Sistem Pengurusan IDentiti (idMe) pada pautan <https://idme.moe.gov.my/login>



RUMUSAN

- Pelaksanaan PBD yang berkesan bukan sahaja menyumbang kepada suasana pembelajaran yang menyeronokkan. Selain itu juga merupakan kaedah pentaksiran yang autentik tanpa memberi tekanan kepada murid.
- Pelaksanaan PBD perlu ditambah baik dari semasa ke semasa untuk memastikan ketelusan dan keberkesanannya.
- PBD menyumbang kepada pembentukan modal insan yang holistik dan seimbang seperti yang dihasratkan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

3.3 PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI, SUKAN DAN KOKURIKULUM

DEFINISI

PAJSK adalah sebagai panduan untuk menilai aktiviti fizikal dan status kecergasan serta mengukur penyertaan, pelibatan dan pencapaian murid dalam pelbagai aktiviti sukan, kokurikulum dan ekstra kurikulum.

PAJSK memerlukan murid melibatkan diri dalam aktiviti bukan akademik sama ada di dalam atau di luar bilik darjah mengikut

keupayaan murid. PAJSK dibangunkan untuk melengkapi sistem pentaksiran pendidikan di Malaysia supaya lebih holistik dan bersepadu. Hal tersebut sejajar dengan konsep Satu Murid Satu Sukan (1M1S), pembangunan modal insan dan perkembangan potensi murid dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) seperti yang dihasratkan di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

KOMPONEN PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI, SUKAN DAN KOKURIKULUM

PAJSK merangkumi tiga komponen; SEGAK dan BMI 5-9T, Kokurikulum dan Ekstra Kurikulum seperti dalam rajah berikut:



PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI - SEGAK DAN BMI 5-9T

Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum - SEGAK dan BMI 5-9T dalam komponen PAJSK melibatkan ujian kecergasan fizikal seperti berikut:

- a. Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan untuk Murid Sekolah Malaysia atau dikenali sebagai SEGAK.
- b. Standard Pengukuran Indeks Jisim Badan (Body Mass Index) untuk Murid Sekolah Malaysia Berumur Lima hingga Sembilan Tahun atau dikenali sebagai BMI 5-9T.

Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan untuk Murid Sekolah Malaysia (SEGAK)

- a. Matlamat SEGAK adalah untuk memastikan murid sentiasa peka, berpengetahuan dan mengamalkan aktiviti kecergasan untuk meningkatkan dan mengekalkan tahap kecergasan fizikal berdasarkan kesihatan secara optimum.
- b. Objektif SEGAK adalah seperti berikut:
 - 1. Mengukur dan merekodkan tahap kecergasan fizikal sendiri.
 - 2. Menganalisis dan mentafsir kecergasan fizikal sendiri.
 - 3. Mengetahui tahap kecergasan fizikal sendiri.
 - 4. Merancang dan melakukan tindakan susulan untuk meningkatkan tahap kecergasan fizikal.
 - 5. Mengamalkan gaya hidup aktif dan sihat untuk mencapai tahap kecergasan fizikal berdasarkan kesihatan yang optimum.
- c. Bateri Ujian Kecergasan Fizikal Berdasarkan Kesihatan yang terdapat dalam SEGAK adalah seperti berikut:
 - 1. Ujian Indeks Jisim Badan (*Body Mass Index - BMI*).
 - 2. Ujian Naik Turun Bangku 3 minit.
 - 3. Ujian Tekan Tubi bagi murid lelaki dan Tekan Tubi Ubah Suai bagi murid perempuan.
 - 4. Ujian Ringkuk Tubi Separa.
 - 5. Ujian Jangkauan Melunjur.

- d. Norma ujian yang digunakan adalah seperti berikut:
 - 1. Norma BMI berdasarkan *World Health Organization (WHO)*, 2007.
 - 2. Norma ujian Naik Turun Bangku 3 minit, ujian Tekan Tubi untuk murid lelaki dan Tekan Tubi Ubah Suai untuk murid perempuan, Ujian Ringkuk Tubi Separa dan Ujian Jangkauan Melunjur berdasarkan norma SEGAK, 2006.
- e. Sasaran Ujian SEGAK adalah kepada semua murid berumur 10 hingga 17 tahun.
- f. Murid yang berada di Tahun 4 hingga Tahun 6 di sekolah rendah dan Kelas Peralihan, Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 WAJIB melaksanakan Ujian SEGAK.
- g. Pengecualian bagi murid dari melakukan Ujian SEGAK adalah seperti berikut:
 - 1. Murid Berkeperluan Pendidikan Khas.
 - 2. Murid yang menghidap penyakit kronik dan disahkan oleh pegawai perubatan.
 - 3. Murid yang tidak sihat dan disahkan oleh pegawai perubatan.
- h. Pelaksanaan ujian SEGAK adalah seperti berikut:
 - 1. Ujian SEGAK dilaksanakan oleh guru yang telah dilatih sebagai penguji oleh sekurang-kurangnya oleh Panitia Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan sekolah.
 - 2. Pelaksanaan ujian SEGAK hendaklah mengikut prosedur ujian seperti dalam Buku Panduan Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan untuk Murid Sekolah Malaysia (SEGAK), BPK, 2016.
 - 3. Umur murid dikira pada 31 Disember tahun semasa. Contohnya, sekiranya murid tersebut lahir pada bulan Februari 2004, diakhir bulan Disember 2018 murid tersebut berumur 14 tahun.
 - 4. Ujian SEGAK bagi setiap murid mesti dilengkapi pada HARI YANG SAMA. Ujian ini boleh dijalankan semasa atau di luar waktu pengajaran Pendidikan Jasmani bergantung pada bilangan murid dan peralatan ujian SEGAK.

5. Skor ujian SEGAK yang diperoleh oleh murid hendaklah merujuk kepada norma setiap ujian berdasarkan umur dan jantina murid seperti di dalam Buku Panduan Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan bagi Murid Sekolah Malaysia (SEGAK), BPK, 2016.
6. Ujian SEGAK dilaksanakan dua kali setahun berdasarkan surat pemakluman KPM mengikut kalendar akademik.
7. Keputusan ujian SEGAK direkodkan dalam Borang SEGAK Sekolah Rendah (BSSR) atau Borang SEGAK Sekolah Menengah (BSSM).
8. Keputusan ujian SEGAK dilaporkan secara dalam talian melalui Sistem Pengurusan Pentaksiran Bersepadu (SPPB) Modul SEGAK & BMI 5-9T.
9. Slip keputusan ujian SEGAK boleh dijana daripada SPPB Modul SEGAK & BMI 5-9T.
10. Keputusan ujian SEGAK hendaklah diserahkan kepada murid dan penjaga.
11. Keputusan ujian SEGAK digunakan oleh Panitia Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan untuk merancang tindak susul kecergasan fizikal murid.

- i. Keputusan ujian SEGAK yang diperoleh oleh murid dilaporkan seperti berikut:

1. Keputusan ujian BMI melaporkan status BMI seperti berikut:



2. Keputusan ujian kecergasan fizikal melaporkan status kecergasan berdasarkan jumlah markah keseluruhan daripada empat (4) ujian fizikal iaitu Ujian Naik Turun Bangku 3 Minit, Ujian Ujian Naik Turun Bangku 3 minit, Ujian Tekan Tubi bagi murid lelaki dan Tekan Tubi Ubah Suai bagi murid perempuan, Ujian Ringkuk Tubi Separa dan Ujian Jangkauan Melunjur.

3. Status kecergasan yang dilaporkan adalah seperti berikut:



STANDARD PENGUKURAN INDEKS JISIM BADAN (BODY MASS INDEX) UNTUK MURID SEKOLAH MALAYSIA BERUMUR LIMA HINGGA SEMBILAN TAHUN (BMI 5-9T)

- a. Matlamat BMI 5-9T adalah untuk memberi kesedaran kepada murid tentang kepentingan memiliki komposisi badan yang ideal untuk kesihatan diri dan mengamalkan gaya hidup sihat.
- b. Objektif BMI 5-9T adalah seperti berikut:
 1. Mengetahui status BMI diri sendiri.
 2. Melakukan aktiviti fizikal secara tekal untuk mencapai tahap kecergasan fizikal.
 3. Mengamalkan pemakanan yang sihat dan selamat.
 4. Mengamalkan gaya hidup aktif dan sihat dalam kehidupan harian.
- c. Ujian yang terdapat dalam BMI 5-9T adalah untuk mengukur indeks jisim badan berdasarkan ukuran tinggi dan berat murid.
- d. Norma BMI yang digunakan hendaklah berdasarkan *World Health Organization* (WHO), 2007 mengikut jantina dan umur murid.
- e. Sasaran murid yang terlibat dengan BMI 5-9T adalah seperti berikut:
 1. Semua murid berumur lima hingga sembilan tahun yang berada di prasekolah, tadika dan pada Tahap I sekolah rendah kerajaan dan swasta WAJIB menjalani ujian BMI.
 2. Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) WAJIB menjalani ujian BMI kecuali yang memerlukan sokongan maksimum.

- f.** Pengecualian bagi murid melakukan ujian BMI 5-9T adalah seperti berikut:
1. Mengalami kecederaan fizikal dan disahkan oleh pegawai perubatan; dan
 2. Murid MBPK yang memerlukan sokongan maksimum.
- g.** Pelaksanaan BMI 5-9T adalah seperti berikut:
1. Ujian BMI dilaksanakan sebanyak dua kali setahun. Ujian pertama pada bulan ketiga selepas sesi persekolahan bermula dan ujian kedua dilaksanakan lima (5) bulan selepas ujian pertama.
 2. Pelaksanaan ujian BMI mengikut prosedur yang ditetapkan dalam Buku Panduan Standard Pengukuran Indeks Jisim Badan (*Body Mass Index*) bagi Murid Sekolah Malaysia Berumur Lima hingga Sembilan Tahun, Kementerian Pendidikan Malaysia 2021.
 3. Ujian BMI 5-9T bagi murid Tahap I dilaksanakan semasa waktu PdP Pendidikan Jasmani. Manakala pengukuran BMI bagi murid prasekolah dilaksanakan semasa Pembelajaran Bersepadu dan Aktiviti Luar.
 4. Ujian BMI 5-9T bagi murid tidak sihat boleh dilaksanakan pada hari yang lain di dalam bulan yang sama.
 5. Ukuran tinggi, berat dan skor BMI direkod dalam Borang BMI 5-9T murid.
 6. Keputusan ujian BMI 5-9T dilaporkan secara dalam talian melalui Sistem Pengurusan Pentaksiran Bersepadu (SPPB) Modul SEGAK & BMI 5-9T.
 7. Slip keputusan ujian BMI 5-9T boleh dijana daripada SPPB Modul SEGAK & BMI 5-9T.
 8. Keputusan ujian BMI 5-9T hendaklah diserahkan kepada murid dan penjaga.
 9. Keputusan ujian BMI 5-9T digunakan oleh Panitia Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan untuk merancang tindak susul kecergasan fizikal murid.
 10. Guru PJK dan guru prasekolah merancang dan melaksanakan intervensi aktiviti fizikal semasa waktu PdP PJK, Pembelajaran Bersepadu dan Aktiviti Luar serta di luar waktu sekolah.
- h.** Keputusan ujian BMI 5-9T yang diperolehi oleh murid dilaporkan seperti berikut:



PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI, SUKAN DAN KOKURIKULUM - AKTIVITI SUKAN DAN KOKURIKULUM

Pentaksiran Aktiviti Sukan dan Kokurikulum merujuk kepada sistem penilaian yang digunakan untuk mengukur pelibatan dan pencapaian murid dalam Aktiviti Sukan Dan Kokurikulum. Pentaksiran ini bertujuan untuk membina karakter murid melalui nilai sahsiah serta pembangunan diri murid.

Aktiviti Sukan Dan Kokurikulum merangkumi pelibatan dan pencapaian murid pada peringkat sekolah/zon/daerah/bahagian/negeri/kebangsaan/antarabangsa.

- a. Objektif utama Pentaksiran Aktiviti Sukan Dan Kokurikulum adalah untuk menilai dan mengukur pelibatan serta pencapaian murid dalam aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan Sukan Dan Kokurikulum di luar waktu pembelajaran formal.
- b. Aspek pentaksiran Aktiviti Sukan Dan Kokurikulum merangkumi tiga aspek utama iaitu:
 1. Pelibatan.
 2. Penyertaan.
 3. Prestasi.

c. Pelaksanaan Pentaksiran Aktiviti Sukan Dan Kokurikulum:

1. Dilaksanakan secara berterusan bagi setiap aktiviti mengikut perancangan dan pelaksanaan yang ditetapkan oleh sekolah, PPD, JPN, KPM atau agensi luar.
2. Dilaksanakan kepada semua murid sekolah rendah tahap dua dan sekolah menengah (Tingkatan 1 hingga tingkatan 5).
3. Pelibatan, penyertaan dan prestasi murid hendaklah direkodkan oleh guru penasihat aktiviti sukan dan guru penasihat kokurikulum.
4. Skor direkod oleh guru penasihat menggunakan Borang Rumusan Aktiviti Sukan/Kokurikulum seperti di Garis Panduan PAJSK.
5. Skor murid direkodkan oleh guru penasihat/guru kelas dalam Sistem Pengurusan Pentaksiran.
6. Pelaporan individu dicetak daripada aplikasi Sistem Pengurusan Pentaksiran.
7. Pemberatan wajaran Aktiviti Sukan Dan Kokurikulum adalah berdasarkan tiga aspek seperti dalam Jadual Aspek Penilaian Pentaksiran Aktiviti Sukan dan Kokurikulum.

Jadual Aspek Pentaksiran Aktiviti Sukan dan Kokurikulum

Aspek Penilaian Aktiviti Sukan dan Permainan/Pasukan Badan Beruniform/Kelab dan Persatuan (110 Markah)					
Pelibatan (50 Markah)				Penyertaan (40 Markah)	Prestasi (20 Markah)
Elemen				Elemen	Elemen
Jawatan	Peringkat	Komitmen	Khidmat Sumbangan	Kehadiran	Pencapaian
10	20	10	10	40	20

PENTAKSIRAN AKTIVITI EKSTRA KURIKULUM

Pentaksiran Aktiviti Ekstra Kurikulum merujuk kepada aktiviti yang dijalankan di luar atau pada waktu persekolahan dinilai dalam konteks Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Pengiktirafan melalui Ekstra Kurikulum ini diberikan kepada murid atas usaha mereka dalam bidang kokurikulum, selain memupuk keseimbangan antara pencapaian akademik dengan pembangunan diri dalam aktiviti luar bilik darjah.

a. Aspek Pentaksiran Ekstra Kurikulum merangkumi elemen seperti yang berikut iaitu:

1. Perkhidmatan.
2. Anugerah Khas.
3. Khidmat Masyarakat.
4. Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM).
5. TIMMS dan PISA.

b. Pelaksanaan Pentaksiran Aktiviti Ekstra Kurikulum:

1. Dilaksanakan secara berterusan sepanjang tahun dan pada bila-bila masa.
2. Dilaksanakan kepada semua murid sekolah rendah Tahap dua dan sekolah menengah (Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5). Pelibatan dan pencapaian murid perlu direkodkan.
3. Pelibatan murid dalam aktiviti ekstra kurikulum adalah secara sukarela. Penyertaan dan keselamatan murid adalah di bawah tanggungjawab ibu bapa, waris atau penjaga.
4. Skor direkod oleh guru penasihat menggunakan Borang Rumusan Ekstra Kurikulum seperti di dalam Garis Panduan PAJSK.
5. Skor murid direkodkan oleh guru penasihat/guru kelas dalam Sistem Pengurusan Pentaksiran.

Jadual Elemen Ekstra Kurikulum

Aspek	Skor
Perkhidmatan (perjawatan)	10
Anugerah Khas	10
Khidmat Masyarakat	10
NILAM	10
TIMSS dan PISA	10

3.4 PENTAKSIRAN PSIKOMETRIK

DEFINISI


Pentaksiran Psikometrik (PPsi) ialah suatu kaedah yang digunakan secara sistematik untuk mengumpul maklumat yang menggambarkan tret psikologi. Tret psikologi yang diukur boleh merangkumi aptitud dan personaliti murid. Hasil dapatan PPsi dapat digunakan untuk mempertingkatkan pembelajaran murid.

PPsi menggunakan instrumen pentaksiran yang tidak berasaskan kurikulum dan proses pengajaran dan pembelajaran. PPsi mengukur kebolehan semula jadi (*innate ability*) dan kebolehan yang diperoleh (*acquired ability*) daripada pengalaman dan persekitaran untuk mengenal pasti kebolehan semula jadi, personaliti, bakat, minat dan kecenderungan murid.

KOMPONEN PENTAKSIRAN PSIKOMETRIK

Komponen PPsi yang diuji pada peringkat rendah dan menengah terdiri daripada Aptitud Am, Aptitud Khusus, Tret Personaliti dan Minat Kerjaya seperti yang ditunjukkan dalam rajah berikut:

Komponen Pentaksiran Psikometrik



APTITUD AM

Aptitud Am ditadbir untuk mendapatkan maklumat pelbagai aspek kemampuan kognitif murid, termasuk pengetahuan umum, kebolehan berfikir dan menyelesaikan masalah.

Objektif Aptitud Am adalah seperti berikut:

- i. Membantu mengukur perkembangan kognitif dan intelektual murid.
- ii. Memberi gambaran tentang kemampuan murid dalam pelbagai bidang dan menunjukkan kekuatan serta kelemahan mereka.
- iii. Membantu guru mengenal pasti keperluan sokongan atau bimbingan tambahan bagi murid yang memerlukan bantuan.

Konstruk Aptitud Am dan keterangan bagi setiap konstruk adalah seperti dalam jadual berikut:

KONSTRUK	KETERANGAN
Kemahiran Perkataan	Keupayaan individu mengeja perkataan, memahami makna perkataan dan menggunakan perkataan dengan betul.
Kemahiran Konsep Verbal	Keupayaan individu memahami maksud tersirat.
Kemahiran Aplikasi Kritikal	Kemahiran individu memahami, menganalisis dan membuat kesimpulan
Penyelesaian Masalah	Keupayaan individu membuat penaaakulan dengan menganalisis maklumat dalam tugas
Sistem Numerik	Keupayaan individu menterjemah simbol yang mewakili nombor, kemahiran menambah, menolak, membahagi dan mendarab untuk menyelesaikan masalah sistem.
Penaakulan Matematik	Keupayaan individu menganalisis maklumat untuk menghasilkan logik dan membuat persepsi bagi menyelesaikan masalah Matematik.

APTITUD KHUSUS

Aptitud Khusus yang dilaksanakan menggunakan Inventori Kecerdasan Pelbagai bertujuan untuk mendapatkan maklumat khusus mengenai struktur kecerdasan serta minat atau kecenderungan murid.

Objektif Aptitud Khusus:

- i. Mengetahui potensi murid pada peringkat umur tertentu.
- ii. Membantu guru mengenal pasti strategi, kaedah dan teknik pengajaran supaya dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang berkesan.
- iii. Membantu murid mengenal potensi diri.
- iv. Meramalkan kejayaan murid dalam alam pembelajaran dan kerjaya.

Konstruk Aptitud Khusus dan keterangan bagi setiap konstruk adalah seperti dalam jadual berikut:

KONSTRUK	KETERANGAN
Verbal Linguistik (cerdas perkataan)	Keupayaan seseorang individu menggunakan bahasa, memahami maklumat dan memberi respons dalam pelbagai bentuk set komunikasi.
Logik Matematik (cerdas nombor)	Keupayaan seseorang individu menggunakan nombor dalam kehidupan seharian untuk membuat penyelesaian secara logikal.
Visual Ruang (cerdas visual dan ruang)	Keupayaan seseorang individu menggunakan, menganggarkan dan menginterpretasikan ruang.
Muzik (cerdas muzik)	Keupayaan seseorang individu menghargai, menghayati dan mengubah muzik.
Naturalis (cerdas alam semula jadi)	Keupayaan seseorang individu mengenal pasti dan menghargai alam semula jadi.
Intrapersonal (cerdas sendiri)	Keupayaan seseorang individu memahami dan menilai kekuatan, kelemahan, bakat dan minat sendiri.
Interpersonal (cerdas sosial)	Keupayaan seseorang individu berkomunikasi, berinteraksi dan bekerjasama dengan orang lain.
Kinestetik (cerdas jasmani)	Keupayaan seseorang individu mengawal dan memahami pergerakan tubuh.
Eksistensial (cerdas kewujudan)	Peka dan berkebolehan membincangkan hal-hal kewujudan seperti mencari makna dalam kehidupan.

INVENTORI TRET PERSONALITI

Inventori Tret Personaliti ialah instrumen yang digunakan untuk mengenal pasti dan memahami personaliti, meneroka tret dan kebolehan murid ke arah proses mengenal diri.

Objektif Inventori Tret Personaliti:

- Membantu guru mengenal pasti personaliti murid supaya dapat merancang strategi PdP.
- Membantu murid dan ibu bapa mengenal pasti personaliti murid dan menyedari potensi diri.
- Menyediakan profil murid yang lengkap bagi rujukan dan kegunaan dalam pendidikan dan perkembangan individu mengikut keperluan.

Konstruk Inventori Tret Personaliti dan keterangan bagi setiap konstruk adalah seperti dalam jadual berikut:

KONSTRUK	KETERANGAN
Intelektual	Individu yang berminat kepada aktiviti-aktiviti yang memberikan cabaran dari segi intelektual. Mementingkan aktiviti yang berbentuk kognitif dan ilmiah.
Kreatif	Individu yang berkebolehan mencipta, menghasilkan dan mengembangkan idea baharu dan asli.
Kepelbagaian	Individu yang dapat menghayati pelbagai situasi untuk mendapatkan pengalaman baharu ke arah perubahan yang berterusan.
Struktur	Individu yang suka kepada kekemasan, kebersihan serta perkara-perkara yang berstruktur, berulang-ulang dan terperinci. Individu mempunyai pendirian dan keputusan yang tetap.
Analitikal	Individu yang sangat sensitif kepada persekitaran, suka membuat pemerhatian dan akan menganalisis sesuatu perkara sebelum membuat sesuatu keputusan. Sukar mempercayai sesuatu tanpa fakta dan sangat berhati-hati dalam membuat keputusan.
Menolong	Individu yang berkeinginan untuk menunjukkan atau meluahkan simpati, kasih sayang dan memberikan bantuan serta membuat kebaikan kepada orang lain.
Ekstrovert	Individu yang suka dikelilingi, berinteraksi dan bekerja dengan orang ramai.
Kritik Diri	Individu yang tidak stabil dari segi emosi dan psikologi. Mempunyai anggapan bahawa orang lain adalah lebih baik.
Autonomi	Individu yang lebih sukakan kebebasan dalam tindakan dan dapat mengawal serta menentukan aktiviti-aktiviti hariannya.

KONSTRUK	KETERANGAN
Agresif	Individu yang terlalu kritikal terhadap orang lain, tegas, berani dan tidak suka dimanipulasi. Tidak menghiraukan perasaan orang lain untuk mencapai matlamat diri.
Pencapaian	Individu yang bermotivasi, mahukan status yang tinggi dan suka kepada persaingan.
Resilien	Individu yang cekal dan bermotivasi untuk menghabiskan atau menyelesaikan semua tugas.
Mengawal	Individu yang suka mengawal orang lain atau lebih suka memimpin daripada dipimpin.
Wawasan	Individu yang boleh menjangkau, melihat, membayangkan masa hadapan dengan jelas dan pandangannya terperinci. Individu sentiasa bertenaga dan sangat efektif dalam sesuatu kerja. Melihat perkara besar yang tidak dilihat oleh orang lain
Ketelusan	Menunjukkan ketelusan untuk memberikan maklum balas terhadap item ujian.

INVENTORI MINAT KERJAYA

Inventori Minat Kerjaya dilaksanakan dengan bermatlamatkan murid tahu tentang minat dan kecenderungan mereka agar dapat membuat pemilihan laluan pendidikan dan kerjaya yang sesuai.

Objektif Inventori Minat Kerjaya:

- Membantu guru mengenal pasti minat dan kecenderungan murid supaya dapat merancang aktiviti strategi PdP yang lebih menarik dan relevan dengan minat murid.
- Membantu murid dan ibu bapa mengenal pasti minat dan kecenderungan supaya dapat membuat keputusan yang lebih baik dalam hala tuju pendidikan dan kerjaya murid.

Konstruk Inventori Minat Kerjaya dan keterangan bagi setiap konstruk adalah seperti dalam jadual berikut:

KONSTRUK	KETERANGAN
Realistik (Membuat)	Persekitaran pekerjaan yang memerlukan kemahiran praktikal dan mekanikal. Bekerja dengan objek, peralatan, mesin, haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Mempunyai kemahiran yang baik apabila menggunakan peralatan, lukisan mekanikal, mesin atau haiwan. Menghargai objek praktikal yang boleh dilihat dan disentuh. Lebih suka bekerja di luar bangunan. Contoh pekerjaan: jurutera, jurubina, animator, pengatur cara komputer, juruterbang, ahli radiologi, pustakawan, juruteknik elektronik, chef, atlet, ahli bomba dan penyelamat, pemandu, tentera, operator mesin, mekanik, ahli perkebunan dan pembuat perabot. Ciri-ciri personaliti: praktikal, mekanikal, materialistik, suka menggunakan peralatan dan mesin, introvert, akur, natural (semula jadi), berhemah, tulen, tegas dan berprinsip.
Investigatif (Memikir)	Persekitaran pekerjaan yang memerlukan kemahiran menyelidik, saintifik, intelektual, analitikal dan mementingkan ketepatan. Suka membuat pemerhatian, mempelajari sesuatu, membuat penyelidikan, menganalisis, menilai dan menyelesaikan masalah. Menghargai sains dan matematik. Melihat diri sendiri sebagai tepat, saintifik dan intelektual serta meminati kerjaya saintifik dan beberapa kerjaya bercorak teknikal. Contoh pekerjaan: pegawai perubatan, aktuari, ahli farmasi, psikiatri, ahli ekonomi, ahli kaji cuaca, ahli biologi, ahli botani, ahli agronomi, ahli fizik, ahli kaji bintang, ahli kimia, ahli kaji bumi, penyelidik sains, angkasawan, ahli antropologi, profesor, guru sains dan matematik. Ciri-ciri personaliti: analitikal, rasional, teliti, intelektual, introvert, introspektif, optimistik, ingin tahu, teoris, jitu dan pemerhati.

KONSTRUK	KETERANGAN
Artistik (Mencipta)	Persekitaran pekerjaan yang memerlukan daya intuisi yang tinggi, ekspresif, original, bebas, kreatif, inovatif dan artistik. Suka bekerja dalam situasi yang kurang berstruktur, tidak rutin dan tidak berulang-ulang. Mempunyai apresiasi yang tinggi dan menghargai hasil seni kreatif. Contoh pekerjaan: arkitek, penulis seni kreatif, artis, pemimpin orkestra, pengubah lagu, pengarang, pelukis, wartawan hiburan, kartunis, pereka grafik, pereka fesyen, juruhias dalaman, jurufoto, dan jurusolek. Ciri-ciri personaliti: imaginatif, intuitif, ekspresif, estetik, emosional, introspektif, reflektif, tulen, bebas, sensitif dan idealistik.
Sosial (Menolong)	Persekitaran pekerjaan yang memerlukan interaksi, kerjasama, kolaborasi, saling membantu, melatih dan membuat kebajikan kepada orang lain. Mempunyai kemahiran berinteraksi dan berkomunikasi dengan orang lain. Suka kepada aktiviti membantu, memberi perkhidmatan dan menyelesaikan masalah sosial. Contoh pekerjaan: guru, pensyarah, kaunselor, pekerja sosial, pegawai perhubungan awam, penyambut tetamu, pegawai kebajikan, jururawat, paramedik, pramugari/pramugara dan pemandu pelancong. Ciri-ciri personaliti: suka bersosial, suka menolong, bekerjasama, mesra, peramah, sabar, ekstrovert, empati, baik hati, bertanggungjawab dan boleh dipercayai.
Enterprising (Memujuk)	Persekitaran pekerjaan yang melibatkan pentadbiran dan pengurusan, perniagaan dan keusahawanan. Wujudnya suasana pengaruh-mempengaruhi, mengarah, memimpin dan menguruskan individu lain serta menjual barangan atau idea. Matlamat akhir mereka adalah untuk mencapai keuntungan organisasi dan keuntungan ekonomi. Contoh pekerjaan: usahawan, pengarah syarikat, spekulator, eksekutif pengiklanan, eksekutif pemasaran, agen insuran, pengarah publisiti, peguam, ahli politik, pengurus hotel, pengurus bank, wartawan, jurujual, jurulatih dan agen pelancongan. Ciri-ciri personaliti: kepimpinan, suka akan pencapaian, bertenaga, daya pujuk yang tinggi, suka mempengaruhi, kebolehan manipulasi, suka meneroka (<i>adventurous</i>), yakin diri, optimistik, mudah mesra, berwawasan, bercita-cita tinggi, berusaha, sosial, suka menonjolkan diri, ekstrovert dan bijak berkomunikasi.
Konvensional (Mengurus)	Persekitaran pekerjaan berstruktur dan teratur yang melibatkan data, nombor, dan kerja-kerja perkeranian. Melakukan kerja secara terperinci, mengikut peraturan dan arahan. Contoh pekerjaan: kerani, setiausaha, penyimpan kira-kira, guru perdagangan, guru perakaunan, akauntan, jurutrengkas, pegawai bank, pegawai cukai, operator komputer, penilai harta, juruaudit, juruwang dan pegawai perangkaan. Ciri-ciri personaliti: berstruktur tinggi, teliti, daya tahan tinggi, akur, praktikal, mengikut aturan, defensif, menurut perintah, cermat, cekap dan rutin.

PELAKSANAAN PENTAKSIRAN PSIKOMETRIK

Pentaksiran Psikometrik yang dilaksanakan kepada murid sekolah rendah dan menengah adalah seperti berikut:

BIL	PERKARA	SASARAN
1	Instrumen Aptitud Am Tahun 4	Tahun 4
2	Inventori Kecerdasan Pelbagai (IKEP)	Tahun 5
3	Instrumen Aptitud Tahun 6	Tahun 6
4	Instrumen Psikometrik Pendidikan Khas (IPPK) Sekolah Rendah	MBPK sekolah rendah yang akan ke sekolah menengah
5	Inventori Minat Kerjaya (IMK)	Tingkatan 1
6	Inventori Tret Personaliti (ITP)	Tingkatan 2
7	Inventori Minat Kerjaya (IMK)	Tingkatan 3
8	Inventori Kecerdasan Pelbagai (IKP)	
9	Inventori Tret Personaliti (ITP)	Tingkatan 4
10	Inventori Minat Kerjaya (IMK)	Tingkatan 5

Pelaksanaan PPSi melibatkan pelbagai pihak yang mempunyai peranan masing-masing untuk memastikan sistem pentaksiran ini berjalan dengan lancar dan memberikan impak yang positif kepada perkembangan murid. Berikut adalah antara peranan dalam pelaksanaan PPSi:

a. Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian selaku kustodian bertanggungjawab untuk memastikan dasar, pelaksanaan dan penjaminan kualiti teratur mengikut panduan. Lembaga Peperiksaan bertanggungjawab dalam pembangunan dan penyediaan instrumen.

b. Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)

Unit Hal Ehwal Murid, Sektor Pembangunan Murid JPN bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan teratur mengikut panduan, menganalisis data skor murid yang dikumpulkan bagi tujuan tindakan susulan dan melaksanakan penjaminan kualiti pada peringkat negeri.

c. Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)

Unit Hal Ehwal Murid, Sektor Pembangunan Murid PPD bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan teratur mengikut panduan, menganalisis data skor murid yang dikumpulkan bagi tujuan tindakan susulan, melaksanakan bimbingan kepada pihak sekolah dan melaksanakan penjaminan kualiti pada peringkat daerah.

d. Pengetua/Guru Besar (PGB)

PGB bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan teratur mengikut panduan, melaksanakan bimbingan dan melaksanakan penjaminan kualiti pada peringkat sekolah.

e. Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK)

GBK bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan pada peringkat sekolah seperti berikut:

- i. Melaksanakan pentaksiran, pemeriksaan skrip jawapan dan memberikan skor dengan mematuhi garis panduan yang ditetapkan.
- ii. Melaksanakan perekodan skor murid dan pelaporan (profil kelas dan individu yang disahkan oleh Pengetua/Guru Besar).
